# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 24 | RABU 13HB JUN, 1979. | رابو 17 رجب 1399 | PERCHUMA

## PENASEHAT UMOM DYMM MELAWAT PTE

GADONG. — Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah mengadakan lawatan sengkat ka-Pusat Tingkatan Enam di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

Yang Teramat Berhormat telah di-iringi oleh Pembantu Khas di-pejabat YTB, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Ketibaan Yang Teramat Berhormat di-Pusat itu telah di-alu2kan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; Pengetua Pusat Tingkatan Enam, Awang Mohd Dennis bin Haji Roslee; Penguasa Pelajaran Menengah, Awang Ali Hashim bin Haji Daud dan lain2 pegawai kanan Jabatan Pelajaran.

Sa-belum di-bawa meninjau di-sekitar kompleks tersebut, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa telah di-berikan taklimat oleh Pengetua Pusat itu mengenai penubohan pusat tersebut.

Sa-telah mendengar taklimat, Yang Teramat Berhormat di-bawa melawat sekitar kompleks yang berharga $26 juta itu. Ini termasok-lah lawatan ka-Bilek Perpustakaan, Dewan Kuliah, Bilek Sejarah dan Makmal serta Bilek Lukisan dan Pertukangan-tangan.

Pusat Tingkatan Enam yang di-dudoki awal tahun ini mempunyai 830 orang penuntut dan lebeh dari 70 orang tenaga pengajar.

Di-akhir lawatan, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa juga telah berkesempatan berbual, berbinchang dan beramah mesra dengan penuntut2 dan pensharah di-pusat tersebut.



**PENASEHAT Umom DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dengan di-iringi oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika melawat bilek kajihayat Pusat tersebut.**



**Pengurus Umom Diraja Brunei, Awang Alan Douglas menanda-tangani perjanjian itu sambil di-perhatikan oleh Awang H. L. Woodward.**

## Diraja Brunei tanda-tangani perjanjian

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah menanda-tangani satu perjanjian dengan Kementerian British mengenai pengangkutan Askar2 British di-antara Brunei dengan Hong Kong.

Perjanjian tersebut telah di-tanda-tangani di-antara Awang H. L. Woodward, yang mewakili Kementerian Pertahanan British dan Awg Alan Douglas, Pengurus Umom, bagi pehak Diraja Brunei.

Upachara menanda-tangani itu telah di-langsongkan di-ibu pejabat Penerbangan Diraja Brunei di-sini pada hari Jumaat yang baru lalu.

Awang John Kirby, Pengurus Perdagangan Diraja Brunei dan Komander V. King, dari Angkatan Udara Diraja British, juga hadhir di-majlis tersebut.

Perjanjian baru itu akan membolehkan tentera2 British menggunakan pesawat Boeing 737 kepunyaan Diraja Brunei untok mengangkut anggota2-nya dan keluarga mereka di-antara Hong Kong dengan Brunei dalam masa dua kali sa-minggu.

## Kuliah pendidekan sastera untok penuntut2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Asterawani Brunei akan menganjorkan satu Kuliah pendidekan Sastera Melayu untok penuntut2 dalam aliran Inggeris dan Melayu yang akan mengambil pepereksaan BCGCE dan SPS tahun ini.

Sa-ramai 10 orang pencharamah akan memberi kuliah dan berbinchang mengenai 10 buah buku yang di-khaskan untok chalon2 pepereksaan tahun ini.

Kuliah Sastera itu akan di-adakan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pada 3hb 5hb, 10hb, 12hb, 17hb dan 19hb Ogos, 1979. Tiap2 cheramah akan bermula jam 8.30 pagi.

Penuntut2 yang ingin menyertai kuliah tersebut hendak-lah mengisi borang pendaftaran. Peserta2 tidak akan di-kenakan apa2 bayaran tetapi sa-tiap kertas kerja akan di-jual 50 sen sa-naskah.

Untok keterangan lanjut hendak-lah menghubongi Setia Usaha Asterawani, di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Semua permohonan hanya akan di-terima sa-hingga 15hb Julai, 1979.

Projek sa-rupa ini ada-lah kali ketiga di-adakan oleh Asterawani.

Sementara itu, Persatuan Asterawani juga akan menghantar satu perwakilan dan beberapa orang pemerhati ka-Pesta Puisi Akademik yang di-anjorkan bersama oleh Program Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Ikatan Sastera Universiti Malaya (ISUM) pada 19hb hingga 21hb Julai, 1979. Pesta tersebut akan di-adakan di-Kampus Universiti Malaya, Lembah Pantai Kuala Lumpur. Pesta yang berthemakan "Kemanusiaan Melalui Puisi" itu berbentok akademik dan bahagian persembahan.

Kapada penulis2 tanah ayer yang ingin menyertai rombongan tersebut boleh-lah menghubongi Setia Usaha Satu Asterawani di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

## Peraduan meniup Umpong dan mementing Gambus Asli

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan meniup Umpong dan mementing Gambus Asli Brunei, ada-lah antara beberapa persembahan di-pentas Antarabangsa tahun ini, sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Peraduan tersebut akan di-langsongkan di-Padang Besar di-sini pada 17hb Julai 1979 akan datang, mulai jam 8.00 hingga 11.30 malam.

Pengerusi Jawatan Kuasa pertandingan itu, Awang Haji Sulaiman bin Jaafar, menyatakan bahawa pertandingan meniup Umpong dan mementing Gambus Asli Brunei, yang di-adakan buat pertama kali ini mengharapkan kapada peniup Umpong dan pementing Gambus Asli Brunei di-Daerah Brunei-Muara supaya akan dapat menunjokkan bakat masing2 dalam menghidupkan semula kesenian dan kebudayaan Brunei Asli yang hampir2 hilang di-telan masa itu.

Sharikat Mega ada-lah di-antara beberapa penderma akan bermurah hati menyumbangkan hadiah2. Tambang tiket kapalterbang perchuma pergi/balek ka-Kota Kinabalu, di-dermakan oleh YAM Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah, kapada johan kedua2 pertandingan.

Borang2 penyertaan serta keterangan2 lanjut mengenai pertandingan itu boleh di-dapati sekarang dari: Setia Usaha Persembahan Malam Antarabangsa, Pengiran Md Yusof bin Pg Haji Abu Bakar, Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 5hb Julai, 1979.

## Pelukis RTB memenangi peraduan mereka simbol

BANDAR SERI BEGAWAN.— Awang Norariffin bin Md Yassin telah memenangi peraduan mereka simbol Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei. Awang Norariffin dari Pejabat Radio Talivishen Brunei akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $500.00.

Pemenang kedua ia-lah Awg. Fadzil bin Haji Ahmad dari Pejabat Muzium Brunei dan sa-orang lagi pelukis RTB, Awang Mohd Salleh bin Haji Ibrahim memenangi tempat ketiga.

Pemenang kedua dan ketiga masing2 akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $200.00 dan $100.00.

Setia Usaha Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Haji Ibrahim menyatakan bahawa penyampaian hadiah2 akan di-lakukan di-satu majlis yang akan di-beritahu kapada pemenang2.

Majlis Keselamatan Jalanraya menerima lebeh dari 100 pernyertaan dari seluroh negeri.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

13HB JUN, 1979

## SEMANGAT INGIN MAJU

PENGARAH Pelajaran Brunei, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menegaskan bahawa kemundoran anak2 Melayu di-dalam berbagai bidang bukan-lah di-sebabkan tidak mempunyai kebolehan atau otak yang kurang baik. Menurut-nya, salah satu faktor yang menyebabkan kemundoran itu ia-lah kurang-nya galakan dan dorongan. Galakan, dorongan serta semangat ingin maju ini-lah yang sangat2 berkurangan di-kalangan anak2 kita. Sa-lagi galakan, dorongan serta semangat ingin maju ini tidak terdapat di-jiwa kita orang2 Melayu, sa-lagi itu-lah kita akan mundor dan ketinggalan oleh orang2 asing!

Sekali pun penegasan beliau itu di-tujukan-nya kapada hasrat dasar pelajaran di-negeri ini bagi menyediakan anak2 pada suasana persekolahan sa-belum mereka itu menghadapi pelajaran yang lebeh formal yang merupakan suatu era baru dalam perubahan dasar pelajaran; namun penegasan itu dapat-lah juga kita anggap sa-bagai suatu perhatian berat terhadap untong nasib masa depan bangsa Melayu di-negeri ini supaya menyedari hakikat kelemahan kita sa-lama ini, baik dalam bidang pelajaran dan lebeh2 lagi bidang ekonomi. Sa-chara terus terang kita katakan ungkapan ikhlas dan berani menyatakan kemundoran anak2 Melayu khusus-nya dan orang2 Melayu pada umomnya dalam berbagai bidang itu kerana kurang-nya galakan serta dorongan dan bukan di-sebalek-nya disebabkan tidak boleh atau otak kurang baik itu ada-lah benar2 merupakan kenyataan yang tidak dapat kita tolak — ini-lah barang kali yang kita maksudkan "Kalau bukan kita siapa lagi?" yang dapat menegor dan membaiki bangsa kita sendiri sa-chara ikhlas dan membena di-samping berusaha untok mengatasi segala kekurangan kelemahan2 bangsa kita itu.

Dalam hubongan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah membukakan berbagai peluang serta menyediakan segala kemudahan melalui jabatan2 Kerajaan yang berkenaan. Mithal-nya, Jabatan Pelajaran telah memberikan pelajaran perchuma dari sa-rendah2 hingga ka-setinggi2-nya — termasok menyediakan kemudahan serta kelengkapan2 yang boleh di-katakan tidak pernah di-nekmati oleh penuntut2 di-negara2 yang sedang membangun sekarang ini. Kerajaan memang bersedia membantu, menggalakkan serta mendorong raayat di-negeri ini terutama bangsa Melayu sendiri yang serba mundor dan kekurangan itu untok membaiki nasib mereka dan meninggikan taraf hidup mereka itu dalam semua lapangan.

Kalau kita perhatikan dan teliti telatah orang kita, suka menchadangkan dan meminta menyediakan itu dan ini dari Kerajaan, tetapi bila Kerajaan membukakan peluang maka kebanyakan orang kita tidak bersedia mengisi peluang2 yang telah di-sediakan itu — orang lain pula yang untong hasil dari chadangan2 itu tadi. Tegas-nya Kerajaan sememang-nya bersedia membantu, menggalakkan serta mendorong raayat dan orang Melayu khusus-nya di-negeri ini; tetapi daya usaha-nya mesti-lah datang dari bangsa kita sendiri.

Masaalah konon-nya orang Melayu tidak boleh, tidak pandai, otak kurang baik atau pemalas yang pernah kita dengar sa-belum perang dan sesudah perang dunia kedua dahulu lagi itu mungkin sengaja terkeluar atau di-tulis oleh orintalis2 asing yang suka mengelirukan pandangan dunia luar terhadap bangsa Melayu sendiri! Kedudokan-nya sekarang ia-lah galakan, dorongan serta semangat ingin maju harus di-tanamkan di-jiwa jenarasi kita sekarang supaya kesedaran itu akan terus berkembang dan bersemadi di-jiwa orang2 kita Melayu sendiri di-negeri ini.

## Berchuchol rumah2 Kg. Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan berchuchol Rumah2 Kampong Ayer akan di-adakan di-kawasan Kampong Ayer dalam bulan depan, sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Peraduan ini ada-lah terbuka kapada pendudok2 di-sekitar Kampong Ayer dan akan di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu Bahagian Pejabat2 Kerajaan dan Sekolah2; Bahagian Persatuan2 Belia dan Kumpolan dan Bahagian Orang2 Perseorangan.

Perserta2 yang akan mengambil bahagian dalam peraduan itu hanya di-benarkan menggunakan janakuasa letrik.

Borang2 penyertaan serta keterangan lanjut mengenai peraduan itu boleh di-dapati dari Pengurusi atau Setia Usaha Peraduan di-alamat Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Bahagian Setor Workshop, Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan.

Tarikh tutop untok menyertai peraduan itu ia-lah 12hb Julai, 1979.





SA-RAMAI 10 orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri yang di-ketuai oleh Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar telah mengadakan lawatan ka-projek ternakan lembu yang di-usahakan bersama oleh Kerajaan dan Sharikat McFarm di-Kampong Tungku Gadong pada hari Isnin lalu.

Lawatan2 Ahli2 Yang Berhormat itu ada-lah salah satu dari siri lawatan ka-pusat2 pertanian Kerajaan.

Terdahulu dari itu, Ahli2 Yang Berhormat itu telah mengadakan lawatan ka-Projek Padi Kerajaan di-Kampong Panchor Murai dan Wasan dan Steshen Pertanian Luahan.

Di-kawasan ternakan lembu, Ahli2 Yang Berhormat itu telah di-berikan taklimat mengenai dengan projek tersebut oleh Pegawai Pertanian Kanan, Awg Danial bin Haji Hanafiah di-samping di-bawa melihat ka-kawasan projek saperti kelihatan dalam gambar kanan atas.

Gambar kanan pula, rombongan Ahli2 Yang Berhormat itu ketika mendengar penerangan Awang Ahmad bin Rani mengenai dengan projek pelateh2 lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut ketika Ahli2 Yang Berhormat itu melawat Steshen Pertanian Luahan. — Gambar2 ehsan Jabatan Pertanian.

# UNDANG2 PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN)

**UNDANG2 Pampasan Pekerja (Pindaan) tahun 1978 telah di-luluskan dan telah di-kuatkuasakan pada 16hb Ogos, 1978 oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.**

Tujuan utama-nya ia-lah untok menaikkan jumlah pampasan yang di-bayar di-bawah Undang2 Pampasan Pekerja yang tidak di-ubah sejak Undang2 tersebut berjalan kuatkuasa-nya pada tahun 1957 dan ada-lah tidak berpatutan dengan tingkat pendapatan dan nilai wang yang ada pada masa ini.

2. Kenaikan yang di-luluskan dalam Undang2 tersebut ada-lah saperti berikut: —

(1) Pampasan wang pukal yang di-bayar bagi kematian ia-lah jumlah pendapatan selama 48 bulan, tertaalok kapada jumlah paling tinggi $28,800.00, sa-balek pendapatan selama 36 bulan tertaalok kapada jumlah paling tinggi $7,-200.00 saperti yang lalu. Terdapat juga kadar paling rendah sa-banyak $9,600.-00.

(2) Wang pukal yang di-bayar bagi ketidakupayaan penoh kekal ia-lah jumlah pendapatan selama 48 bulan, dengan tidak menghiraukan umor, tertaalok kapada jumlah paling tinggi $36,000.00 dan jumlah paling rendah sa-banyak $12,000.00. Ini berbanding dengan kadar dulu ia-itu pendapatan selama 48 bulan bagi sa-seorang pekerja tertaalok dalam semua perkara kapada jumlah paling tinggi sa-banyak $9,-600.00.

(3) Wang pukal yang di-bayar bagi ketidakupayaan separa kekal masih menggunakan peratus dari pampasan bagi ketidakupayaan penoh sa-imbang dengan kehilangan daya pendapatan akibat dari kechederaan tersebut. Tetapi jumlah yang di-bayar akan lebeh tinggi, sa-imbang dengan kenaikkan pampasan bagi ketidakupayaan penoh (di-naikkan dari $9,600.00 kapada $36,000.00).

(4) Berhubong dengan ketidakupayaan sementara, Undang2 yang lalu memperuntokkan bayaran satengah bulanan sa-banyak satu pertiga dari pendapatan bulanan pekerja, tertaalok kapada jumlah paling tinggi sa-banyak $65.-00 dalam tempoh ketidakupayaan. Oleh itu dia menerima dua pertiga dari pendapatan-nya bagi bulan tersebut, tetapi tertaalok kapada jumlah paling tinggi sa-banyak $130.00. Undang2 yang baharu memperuntokkan bahawa jumlah paling tinggi hendak-lah di-naikkan kapada $400.00 dan pembayaran pampasan hendak-lah di-lakukan pada hari2 gaji biasa-nya di-bayar sa-balek-nya bukan sa-tengah bulanan.

3. Kadar yang di-luluskan dalam Undang2 baharu tersebut ada-lah di-fikirkan berpatutan berhubong dengan tingkat pendapatan yang ada di-Brunei pada masa ini. Tetapi kenaikkan harga2 barang tetap terus meningkat dan memandangkan kapada kemungkinan yang ia-nya akan terus naik di-tahun2 akan datang kuasa ada-lah di-berikan bagi kenaikan sa-lanjut-nya untok di-kuatkuasakan dari masa ka-semasa tanpa berkehendakkan perundangan selanjut-nya dengan chara Undang2 lain. Pertimbangan yang sama di-kenakan kapada pembayaran pampasan penyakit2 pekerjaan yang telah di-luluskan dan di-wartakan dalam tahun 1957 dan pindaan-nya pada tahun 1978 saperti yang terkandong di-Jadual Kedua pindaan tersebut. Undang2 tersebut memberi kuasa Sultan dalam Majlis Mashuarat dari masa kesemasa untok menguatkan sa-barang pindaan yang perlu ka-atas ketiga2 Jadual dengan menyiarkannya dalam Warta Kerajaan.

4. Perubahan besar lain yang terlibat oleh Undang2 baharu ia-lah bahawa *semua* majikan boleh di-kehendaki untok menginsurankan diri mereka terhadap bahaya2 Pampasan Pekerja. Dengan ketiadaan keupayaan untok membayar belum-lah terdapat sa-barang tindakan yang telah di-ambil oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat mengenai kuasa2 pilehan ini. Bab 26 oleh yang demikian tetap tidak berubah dalam pemakaian-nya kapada mana2 majikan perseorangan atau golongan majikan yang tertentu.

5. Sa-lain yang di-nyatakan di-atas, peruntokkan dari Undang2 ini ada-lah berupa peratoran2 tertentu atau keadaan2 yang penting. Ia-nya di-maksudkan untok memperbaiki keadaan yang terdapat pada masa ini dari hasil pengalaman yang telah di-perolehi daripada perjalanan Undang2 tersebut. Ia-nya tidak melibatkan sa-barang perubahan dasar yang besar ka-atas Undang2 dan amalan pada masa ini berhubong dengan Pampasan Pekerja atau dengan pertanggongan majikan. Bagaimanapun terdapat dua perkara yang patut di-beri perhatian. Pertama, Pampasan Pekerja di-perluaskan kapada pekerja2 bukan buroh kasar berpendapatan di-bawah $750.00 sa-bulan (dulu $500.00 sa-bulan); kapada orang2 gaji rumahtangga persendirian dan kapada pegawai2 pulis yang berpendapatan $750.00 sabulan atau kurang.

6. Perkara kedua ia-lah di-bawah Undang2 lama, jika pekerja menuntut pampasan atau bersetuju dengan majikan-nya ka-atas pembayaran pampasan dia ada-lah di-halang dari menuntut kechederaan di-segi Common Law meskipun kemalangan itu terjadi di-sebabkan oleh kechuaian di-pehak majikan. Ini boleh menyebabkan ketiadakadilan kerana tuntutan bagi kechederaan akan memakan masa dan pekerjaan atau tanggongan2 yang keadaan-nya tidak mampu kemungkinan menerima penyelasaian Pampasan dengan senang di-bawah Undang2 sahaja kerana mereka tidak mampu untok menunggu masa yang terlibat dalam membuat tuntutan bagi bayaran yang lebeh tinggi yang mungkin di-perolehi sa-bagai kechederaan kerana kechuaian majikan. Menurut Undang2 baharu tersebut akan membolehkan tuntutan bagi kechederaan kerana kechuaian di-buat bersama dengan tuntutan bagi pampasan di-bawah Undang2 baharu ini, tertaalok kapada sharat bahawa jumlah pampasan Undang2 yang di-bayar hendak-lah di-potong dari sa-barang jumlah kechederaan kerana kechuaian yang di-hukum bayar ka-atas majikan berikut-nya.

# THE WORKMEN'S COMPENSATION ENACTMENT AMENDED

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Labour Department said the main purpose of the amendment is to increase the amounts of compensation payable under the Workmen's Compensation Enactment, which have not been changed since the Enactment came into force in 1957 and are unrealistic in relation to the general level of earnings and the value of money at the present time.

The increases proposed in the Law are as follows :—

(1) The lump sum compensation payable for death will be 48 months' earnings, subject to a maximum of $28,800, instead of 36 months' earnings subject to a maximum of $7,200, as previously. There will also be a minimum rate of $9,600.

(2) The lump sum payable for permanent total incapacity will be 60 months' earnings, irrespective of age, subject to a maximum of $36,000 and a minimum of $12,000. This compares with the previous rates of 48 months' earnings for a workman subject in all cases to a maximum of $9,600.

(3) The lump sum payable for permanent partial incapacity will continue to be such percentage of the compensation for total incapacity as is proportionate to the loss of earning capacity resulting from the injury. But the amounts payable will be correspondingly higher, in proportion to the increase in the compensation for total incapacity (increased from $9,600 to $36,000).

(4) As regards temporary incapacity, the previous law provided for half-monthly payments of one third of the workmen's monthly earnings, subject to a maximum of $65, during the period of incapacity. He thus received two thirds of his earnings for the month, but subject to a maximum of $130. The new Law provides that the maximum should be made on the days when wages would ordinarily have been payable, instead of at half-monthly intervals.

The rates proposed in the new Enactment are considered to be equitable in relation to the level of earnings in Brunei at the present time. But inflation is relentless in its escalation and in view of the probability that it may continue to rise in future years, powers were given for further necessary increases to be effected from time to time without the need for further legislation by way of another Enactment. The same consideration applies to the compensationable occupational diseases which have been approved and gazetted in 1957 and amended in 1978 is to be found under the Second Schedule of the Amendment. The Enactment therefore empowers the Sultan-in-Council from time to time to effect any necessary amendments to all three Schedules by way of publication in the Gazette.

The other major change that is effected by the new Enactment is that ALL employers may be required to insure themselves against Workmen's Compensation risks. In the absence of a pattern of ability to pay no action has yet been taken by the Sultan-in-Council of these optional powers. Section 26 therefore remains unaltered in its application to any particular individual employer or class of employers.

Most of the remaining provisions of the Enactment are of a procedural or consequential nature. They are designed to effect improvements which have been found to be necessary as the result of experience of the working of the Enactment. They do not involve any major change of policy affecting the present law and practice in regard to Workmen's Compensation or to the liability of employers. There are however two matters worthy of note. The first is that Workmen's Compensation is extended to non-manual workers earning below $750 per month (previously $500 per month); to private domestic servants and to police officers earning $750 per month or less.

The second matter is that under the old law, if a workman claimed compensation, or agreed with his employer for the payment of compensation, he was debarred from claiming damages at common Law even though the accident may have been due to negligence on the part of the employer. This can cause injustice, since claims for damages invariably take time and workmen or dependants in poor circumstances may be obliged to settle for the Enactment compensation because they cannot afford the delay involved in pursuing claims for the higher awards that might be obtained as damages for the employer's negligence. Accordingly the new Enactment will enable claims for damages for negligence to be pursued together with claims for compensation under the new Enactment, subject to the condition that the amount of any Enactment compensation paid should be deducted from any damages for negligence subsequently awarded against the employer.

## British troops fly RBA

BANDAR SERI BEGAWAN — Royal Brunei Airlines and the British Ministry of Defence have signed an agreement under which RBA will transport British troops between Brunei and Hong Kong.

The agreement was formally signed here last Friday by the Assistant Director of Contracts from the Ministry of Defence, Mr. H.J. Woodward and Wing Commander King from Hong Kong, and by the General Manager of Royal Brunei, Mr. Alan Douglas.

Prior to the agreement, negotiations on which began last November, British troops were flown by Royal Air Force VC-Ten aircraft.

The fortnightly service started a week ago when Royal Brunei Boeing 737 carried twenty-six British officers and Gurkha soldiers to Hong Kong while on its return flight, it took British troops to be stationed in Brunei and the British Ministry of Defence officials who signed the agreement with RBA.

## Goodwill visit to Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN — Three patrol boats of the Royal Brunei Malay Regiment's First Flotilla returned home this week after a five-day goodwill visit to Singapore.

The boats — the KDB Waspada, the KDB Pejuang and the KDB Pemburu with about one hundred officers and men—were commanded by Major Green, who is Second-in-Command of the First Flotilla base in Muara.

During their visit, which was the first in five years by members of the Flotilla, the men played friendly hockey, tennis, football, badminton and sepak takraw matches with their hosts.



## General Adviser visits SFC

GADONG.—The Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa last Thursday visited the Sixth Form Centre here.

On hand to greet him were the Director of Education Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, the Principal of the Centre, Awang Mohammad Dennis and other senior officials of the Education Department.

After briefing, Pehin Dato Isa was shown around the complex where he talked to the staff and students.

The twenty-six million dollar Sixth Form Centre which was occupied early this year has about eight hundred students and more than seventy teachers (above).

## *SFC again wins soccer tourney*

TUTONG. — The Sixth Form Centre emerged champions in the football tournament for secondary schools and colleges when it beat the Sufri Bolkiah English School by four goals to two in the final played at the Muda Hashim Malay School padang here last Friday.

The Sixth Form Centre which also won the tournament last year led by two goals to one in the first half.

The Acting District Officer, Awang Puasa bin Tudin presented the challenge trophy donated by Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Walmashuarah, Pengiran Muda Haji Mohammed Alam to the Sixth Form Centre, and other prizes.

## Stamps for Stamps

BANDAR SERI BEGAWAN — Listeners to the British Broadcasting Corporation's Chinese Service are currently taking part in a stamp exchange.

In return for stamps sent in by the listeners from their own countries the BBC are sending issues from Britain and other parts of the world.

A BBC press release said already thousands of stamps have been received and recently a stamp exchange with British childern was jointly staged by the BBC and Britain's National Association for Gifted Childern, which yielded more than a thousand British stamps for listeners.

The stamp swap is run by the Letterbox programme, broadcast in the BBC's 1000-1030 GMT transmission in Mandarin on 18.08; 17.88; 15.36: 11.955 and 9.725 MHz in the 16, 19, 25 and 31 metre bands short wave.

## Survey on youths

BANDAR SERI BEGAWAN — A state-wide survey on Brunei youths with special attention to the jobless has started here.

The survey, launched by the Welfare, Youth and Sports Department, is in the form of interviews which will be carried out in the main towns throughout the State.

A spokesman for the Department has appealed to the youths to cooperate fully to ensure the success of the survey.

The findings of the survey will be used to formulate a plan to provide employment to the jobless youths.

## Careers exhibition

TUTONG — About one hundred and fifty students last week viewed the careers exhibition at the Sufri Bolkiah English School here.

The exhibition, the third in a series planned for this year, was jointly organised by the Brunei Shell Petroleum Company and the Education Department.

The students were given a talk on the historical background of the oil industry in the State and told of job opportunities and structures in Brunei Shell and the Liquefied Natural Gas plant at Lumut.

## RTB, museum artists win top awards

BANDAR SERI BEGAWAN — The Brunei Road Safety Council has selected the entry submitted by Awang Norariffin bin Mohammed Yassin as the winner in the competition to design its emblem.

Awang Norariffin who works with Radio Television Brunei received five hundred dollars as his prize.

The second prize of three hundred dollars went to Awang Fadzil bin Haji Ahmad of the Brunei Museum while the third prize of one hundred dollars was won by Awang Mohammed Salleh bin Haji Ibrahim, another Radio Television Brunei artist.

Their entries were among more than a hundred received by the council for the competition.

## Lectures on Malay Literature

BANDAR SERI BEGAWAN — A series of lectures on Malay Literature for form five students will be held at the Language and Literature Bureau here on July 8. 18, 20 and 22.

The Asterawani Association, a grouping of local writers, which is organising the lectures said students who wish to attend the talks should contact Awang Abdul Latif bin Chuchu at the SOAS College senior or Pengiran Amir Mohammad Yusof at the Nusa Laila Puteri Kindergarten here.

# Siri Terakhir tentang Bahai

## Siri ke-40

MENGAKHIRI tentang Bahai ini, suka-lah saya memberikan sedikit gambaran mengenai: *Apa-kah ia pernah wujud di-negeri ini dan bila?*

Menurut chatetan atau dokumen2 yang di-dapati sa-takat ini, ajaran Bahai itu telah menyusup masok ka-Brunei semenjak tahun 1961, ia-itu tentu saja ia-nya di-bawa oleh pendatang2 dari luar. Tempat yang di-ketahui mula2 di-datangi oleh ajaran ini ia-lah Kampong Benutan, Ulu Tutong, dan pada tahun 1962 merebak pula hingga ka-Supon Besar. Penganut2-nya terdiri dari orang2 Iban dan Dusun. Pengembang2-nya pula di-pelopori oleh bangsa lain.

**PERSATUAN BAHAI**

Terdapat persatuan Bahai di-Brunei. Tetapi menurut Warta Kerajaan Negeri Brunei Naskah XXIX, Sabtu 7hb April 1979. Bil. 10 m.s. 288 Bil. 146 — UNDANG2 PERSEKUTUAN (Penggal 66) persatuan ini telah *tidak berjalan lagi* Persatuan ini di-beri nama "Perhimpunan Keugamana Bahai Negeri Brunei" atau bahasa Inggeris-nya "The Spiritual Assembly of The Bahais of Brunei". Persatuan ini lengkap dengan tujuan2-nya yang jauh, yang di-jelaskan oleh Perlembagaan-nya sendiri. Antara lain Spiritual Assembly of The Bahais of Brunei bermaksud: "Menyertai chita2 dan menolong usaha ahli2 Bahai untok mengadakan, menyokong dan memajukan ugama Bahai, pelajaran, ajaran kaseh sayang bagi persaudaraan seluroh manusia, chahaya iman, akhlak yang mulia yang di-lahirkan dalam kehidupan Nabi2 dan Rasul2 Allah, pengasas yang di-berikan kapada alam dengan tenaga baru dalam diri dan perkataan2 Bahau-llah. Kami ishtiharkan akan maksud dan tujuan persekutuan ini untok mengurus hal ehwal tujuan Bahau-llah bagi faedah orang2 Bahai di-Brunei menurut sa-bagaimana yang menjadi dasar ugama Bahai . . . ."

Tujuan ini menurut-nya lagi, ada-lah untok di-fahami dengan chara perjumpaan2 bakti, perjumpaan2 orang ramai dan mashuarat2 pelajaran, akhlak dan kerohanian manusia melalui penerbitan dan penyiaran buku2, majalah2 dan surat2 khabar, membangunkan rumah2 ibadat . . ., sekolah2 atau yayasan . . . mengadakan khidmat2 kemanusiaan dengan chara mengawas, menyatukan, mendorong dan mengator gerakan2 Bahai di-Brunei . . . (sudah pernah di-siarkan dalam ruangan ini sa-bahagian gambar2 poster dan buku orang2 Bahai yang di-jumpai di-Brunei).

Sa-lain itu, ranchangan persatuan ini juga ia-lah membuat dan menjalankan segala macham perjanjian dengan mana2 orang, gedong2 perniagaan, persatuan, sharikat, orang persendirian, orang ramai atau bandaran atau badan politik.

Dalam bab II undang2 perlembagaan The Spiritual Assembly of the Bahais of Brunei ini terang2 menyebut fasal mentadbirkan hal ehwal ugama Bahai di-bawah persatuan ini bagi faedah penganut2 Bahai di-Brunei, sesuai dengan ajaran dan dasar2 pentadbiran-nya.

Dalam bab III antara lain: Persatuan bertanggong-jawab mengawal ketulinan dan kebenaran semua ajaran2 Bahai, samada yang bertulis atau ajaran mulut di-kalangan penganut2 Bahai tempatan. Juga persatuan ini akan berkewajipan mewakili masharakat Bahai (Bahai Brunei) ka-dalam Perhimpunan Kebangsaan Bahai (tidak di-sebutkan dalam perlembagaan ini di-mana pusat Perhimpunan Kebangsaan Bahai itu).

Dalam bab IV antara-nya: Persatuan ini mengaku bahawa kewajipan-nya yang utama ia-lah untok mewujudkan kesatuan dan perpaduan yang penoh di-kalangan seluroh masharakat Bahai . . . memberi pelajaran yang sa-tinggi2-nya kapada orang2 Bahai, membetulkan salah faham dan pertikaian di-antara orang2 Bahai dan mengumomkan dasar2 ketuhanan yang murni yang di-sampaikan oleh Bahau-llah serta memajukan dengan jalan apa jua pun chita2 dan tujuan Bahai. . .

Dalam bab V pula: Persatuan ini khusus untok orang2 yang tinggal di-Brunei sahaja, yang berumor 21 tahun, yang dapat memuaskan hati persatuan ini dengan sharat mendapat kelulusan dari Perhimpunan Kebangsaan Bahai, ia-itu dari segi orang itu hendak-lah mempunyai kelayakan2 keugamaan dan amalan2 Bahai yang di-akui oleh Pejabat atau Pusat Pelopor Al-Bab (Station of the Fore-runner the Bab), dan oleh Pengasas—Bahau-llah, dan Pemimpin Bahai — Abdul Baha. Hendak-lah patoh yang tidak berbelah bahagi serta menyerah diri sa-penoh2-nya kapada apa2 jua yang di-sampaikan oleh mereka itu. Ta'at kapada tiap2 ayat Kitab Suchi Wasiat dan peratoran Abdul Baha serta berdamping rapat dengan semangat dan pentadbiran Bahai di-seluroh dunia.

Bab VI menerangkan: yang persatuan ini akan mempunyai sembilan orang amanah dari kalangan orang2 Bahai di-Brunei yang akan memegang jawatan mereka sa-lama satu tahun atau sa-hingga pengganti2 mereka di-pileh.

Bab VII menerangkan: Yang persatuan ini mengandongi pegawai2-nya yang terdiri dari Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Pegawai2 tersebut akan menjalankan segala hal ehwal pekerjaan dengan betul. Mereka di-pileh dengan suara terbanyak ahli2 dengan chara undi sulit.

Bab VIII antara lain menerangkan: Bahawa mashuarat tahunan persatuan ini hendak-lah di-adakan pada 21hb. April, ia-itu menurut dasar tadbir yang di-akui oleh semua persatuan2 Bahai.

Dalam perlembagaan yang berjumlah sa-hingga XIV bab itu ada menyebutkan (sa-lain) "Persatuan Ugama Bahai Negeri Brunei" (The Spiritual Assembly of The Bahais of Brunei), juga ada di-sebut "Perhimpunan Kebangsaan Ugama Bahai" The National Spiritual Assembly, dan "Pelindong Ugama Bahai" (The Guardian of The Faith). Tetapi kedua-dua yang terakhir ini tidak pula di-terangkan di-mana tempat atau negeri ia berpusat.

Demikian-lah sedikit mengenai Perlembagaan Persatuan Ugama Bahai Brunei yang masa ini TELAH TIDAK BERJALAN lagi.

Saya tidak-lah berhajat lagi untok mengulangi keterangan saya mengenai 'akidah Bahai dari segi hukum. Chukup-lah rasa-nya keterangan itu dalam 9 siri, mulai dari siri yang ke-31. Chuma sa-bagai penutop suka-lah saya menuliskan di-sini pandangan saya dari sudut apa yang saya tahu dan pernah lihat, dan kemudian akhir sa-kali akan saya simpulkan dengan petekan fatwa Pehin Datu Seri Maharaja yang berupa penjelasan tentang sikap yang mesti di-ambil oleh Kerajaan Negeri Islam terhadap puak Bahaiyyah yang sesat itu.

Langkah2 wajar ada-lah sentiasa di-ambil untok menyekat puak ini dari bertapak dan menyibarkan dakyah dan ajaran-nya di-Brunei, terutama kerana puak ini dan juga puak2 lain saperti Qadiani atau yang sa-umpama-nya itu ada-lah tidak termasok bilangan orang Zimmi (fatwa ada menyebut-nya demikian, dan insha Allah akan saya petek kemudian).

Dari semenjak tahun enam pulohan, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mula mengambil langkah2 penting mengenai-nya, dan chatetan2 ada menunjokkan bahawa Pengetua, Kadhi Besar, Kadhi2 Daerah, Penguasa Penerangan Dan Tabligh dan lain2 pehak dalam Kerajaan ada-lah sentiasa melaksanakan kewajipan mereka masing2 dengan amat teliti, dan di-sebabkan itu pula kira-nya tidak ramai orang2 Brunei atau yang tinggal di-Brunei yang sempat di-sesatkan oleh pengembang2 Bahai itu. Sa-bagai mithalan, dalam tahun 1965, di-dapati hanya sa-ramai 25 orang sahaja penganut Bahai di-Kampong Supon Besar. Semua-nya itu terdiri daripada orang2 Iban, dan itupun pada masa itu menurut chatetan, mereka itu hanya-lah bekas penganut2 Bahai sahaja, sa-bagaimana kenyataan yang di-buat oleh mereka saperti di-bawah ini:

*"Maka dengan ini kami yang masok ugama Bahai dalam rumah panjang ini tidak berasa senang hati dan kami yang bertanda-tangan di-bawah ini menarek diri daripada ugama Bahai, dan pengundoran kami ini bukan-lah di-paksa oleh sa-siapa tetapi ada-lah dengan suka hati kami dan kami kembali saperti sediakala dan kami tidak mahu ugama bahai."*

Dalam tahun 1971, sa-banyak dua kali pada bulan Mei dan Nobember, saya telah berpeluang bertemu dengan orang2 Bahai di-Kampong Benutan, Ulu Tutong. Saya telah di-arah oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama untok mengetuai satu rombongan menemui orang2 Bahai di-situ, ia-itu sa-telah mendapat maklumat bahawa maseh ada beberapa orang dari suku Dusun di-Kampong tersebut yang maseh giat mengembangkan ajaran Bahai. Rombongan kami telah di-sambut oleh Guru Besar Sekolah Melayu di-situ, ia-itu sa-orang pemuda yang saya anggap chergas dan mempunyai semangat keIslaman yang tinggi. Kami datang kira2 jam 4.30 petang. Sa-sudah sembahyang dan berehat kira2 hampir sa-jam, maka kami pun dapat bertemu dengan tiga orang ahli, pemimpin dan pengembang Bahai, yang masing2 berjawatan Pengerusi, Setiausaha dan sa-orang ahli biasa di-kampong itu. Mula2 Guru Besar memberi uchapan, dan kemudian saya sa-telah mendapat peluang dari Guru Besar yang juga bertindak sa-bagai pengerusi majlis. Saya terus belokkan bentok majlis kapada perchakapan2 biasa, kerana dengan chara ini saya anggap akan lebeh berhasil lagi, terutama-nya dalam keadaan2 yang saperti itu. Kami pun dudok-lah berhadap-hadapan termasok tiga orang ahli Bahai tadi. Saya pasti, mereka itu sedang memerhatikan kami sa-orang demi sa-orang kadang2 dengan ekor mata yang churiga, sa-olah2 mereka mahu tahu atau ingin menchari sa-suatu dari lubok hati kami. Tetapi saya chukop yakin, jika mereka hendak menchari yang keroh dari kami, mereka akan gagal. Sebab memang tidak ada *yang keroh* itu, kerana shari'at Islam yang suchi telah mendidek peribadi2 Muslim dengan ehsan, dan hati2. Jadi jika demikian hal-nya, apa-kah yang lebeh tinggi lagi dari nilai2 akhlak Islam?

Hajat rombongan telah saya sampaikan, ia-itu suka berbual-bual dan ingin mengetahui apa2 jua yang menjadi *"galurat"* (jika ada) kapada pendudok2 kampong itu dalam perkara 'akidah atau ugama. Tiba2 saya di-sampok oleh salah sa-orang ahli Bahai yang berjawatan pengerusi tadi: *"Kami gembira dengan kedatangan rombongan dari Pejabat Ugama, dan kami pada hari ini juga mahu keluar dari ugama Bahai".*

Lihat muka 16

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

**oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA**

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED




**Buku Bahai berukoran (4x6"). Ada dua, sa-buah di-chetak di-Sarawak oleh The Sarawak Press Limited dan sa-buah lagi di-Brunei oleh The Light Press, Brunei.**

KEPERTJAJAAN BAHA'I

Suatu kepertjajaan guna kesatuan.

„Kamu itu adalah buah² dari satu pohon, dan daun² dari satu dahan. Berlakulah kamu terhadap sesamamu dengan kasih sajang dan kerukunan jang se-besar²nja, dengan keramah-tamahan dan persaudaraan."

Baha'u'llah.

**Mengandongi prinsip2 ajaran Bahai, berukoran (4x7") dalam bahasa Melayu Indonesia dan di-terbitkan oleh Madjelis Rohani Baha'i Djakarta chetakan ketiga tahun 1960.**




**Mengandongi yang di-namakan do'a2 Bahai, berukoran (4x6") dalam bahasa Melayu di-terbitkan oleh Perchetakan Madjelis Rohani Negara Bahai, Malaysia, tahun 1968.**

FOR ADDRESS LIST OF THE REGIONAL SPIRITUAL ASSEMBLY

Name:.............................. Occupation:..............................

Address:..............................................................................

Date of Birth:.................... Sex:......... Background:.............

I, the undersigned accept the tenets of the Faith of Bahá'u'lláh, and, in accordance with the requirements set forth on the reverse side of this card desire to be listed as a Bahá'í by the Regional Spiritual Assembly of the Bahá'ís of South East Asia.

Date.............................. (Signed)..........................

*(Return card to Secretary).*

REGIONAL SPIRITUAL ASSEMBLY.
LOCAL SPIRITUAL ASSEMBLY.
NATIONAL TEACHING COMMITTEE.

"The principal factors that must be taken into consideration before deciding whether a person may be regarded as a true believer or not....................Full recognition of the station of the Forerunner (the Báb), the Author (Bahá'u'lláh) and the True Exemplar (Abdu'l-Bahá) of the Bahá'í Cause, as set forth in Abdu'l-Bahá's Testament, unreserved acceptance of, and submission to, whatsoever has been revealed by their Pen; loyal and steadfast adherence to every clause of our Beloved's sacred Will; and close association with the spirit as well as form of the present-day Bahá'í administration throughout the world" — Shoghi Effendi.

....................................
(Applicant's Signature)

**KAD pengakuan masok (gambar atas kiri) Persatuan Bahai Asia Tenggara, dan tulisan di-sebelah-nya ia-lah saperti dalam gambar sebelah kanan yang berukoran (4x6").**

BAHA'I ANNIVERSARIES FESTIVALS AND DAYS OF FASTING

Feast of Ridvan (Declaration of Baha'u'llah) April 21-May 2, 1863.
Declaration of the Bab, May 23, 1844.
Ascension of Baha'u'llah, May 29, 1892.
Martyrdom of the Bab, July 9, 1850.
Birth of the Bab, October 20, 1819.
Birth of Baha'u'llah, November 12, 1817.
Birth of 'Abdu'l-Baha, May 23, 1844.
Day of the Covenant, November 26.
Ascension of 'Abdul'l-Baha, November 28, 1921.
Period of the Fast, nineteen days beginning March 2.
Feast of Naw-Ruz (Baha'i New Year), March 21.

BAHA'I HOLY DAYS ON WHICH WORK SHOULD BE SUSPENDED

The first day of Ridvan,
The ninth day of Ridvan,
The twelfth day of Ridvan,
The anniversary of the declaration of the Bab,
The anniversary of the birth of Baha'u'llah,
The anniversary of the birth of the Bab,
The anniversary of the ascension of Baha'u'llah,
The anniversary of the martyrdom of the Bab,
The Feast of Naw-Ruz.

PUBLISHED BY NATIONAL SPIRITUAL ASSEMBLY OF MALAYSIA.

BAHAI CALENDAR




**Kalendar Bahai berukoran (4x6½").**

**Semua kad dan buku2 ini di-dapati daripada bekas penganut2 Bahai di- Brunei.**

# Menchari kesenangan menurut saluran2 yang di-halalkan

KEJAYAAN dan kemenangan pada fahaman kebanyakan orang hanya-lah terbatas pada memperoleh sa-suatu yang di-hajati dalam hidup, ia-itu saperti sa-orang penuntut berjaya memperoleh sijil atau ijazah kelulusan, dan saperti sa-orang perkerja atau pegawai berjaya naik pangkat atau kedudokan tinggi, dan saperti berhasil mendapat darjat kemuliaan yang membawa kapada kedudokan yang berpengaroh, dan saperti mempunyai rumah, isteri atau suami yang baik, dan berbagai-bagai lagi yang ka-semua-nya itu ada-lah bersangkutan dengan kepuasan serta keinginan yang memang di-idamkan.

Meskipun semua perkara2 sa-umpama itu berupa kesenangan dunia, ada-lah tidak di-tegah bagi saseorang Islam untok memperoleh atau menchapai asalkan menerusi saluran2 yang di-haruskan oleh shara' serta tidak di-jadikan sa-bagai matalamat terakhir bagi kejayaan dan kemenangan.

Atas asas fahaman akan ertikata kemenangan dan kejayaan yang terbatas pada kepuasan2, serta keinginan2 dunia ini, apabila sa-seorang itu memperoleh perkara2 sa-umpama itu atau memperoleh sa-bahagian besar daripada-nya berbanding dengan orang lain, orang itu di-anggap telah berjaya dan menang. Oleh yang demikian ramai-lah di-antara kita, bahkan hampir rata2 kita melonchat ka-mana2 gelanggang hidup ini dengan tujuan mendapatkan kejayaan dan kemenangan saperti itu dengan tiada lagi memperhitongkan samada saluran2 itu halal atau sa-balek-nya, yakni dalam mendapatkan kejayaan dan kemenangan bagi kepuasan hidup itu tidak-lah ramai orang yang memperhitongkan-nya berdasarkan asas2 hukum Allah s.w.t., kerana itu mithal-nya ada yang sampai menjanjikan hak2 Ugama Islam serta orang2 Islam, atau lupa akan akibat2 yang boleh memerangkap diri sendiri kapada musoh2 atau terperangkap kapada perbuatan2 haram yang chuba pula di-halal kan dan di-haruskan dengan berbagai-bagai daleh atau alasan2 mengikut sa-kehendak2 hati.

Fahaman mengenai ertikata kejayaan dan kemenangan yang sa-larah2-nya sangat-lah berbahaya. Bahaya-nya bukan sahaja ka-atas orang yang mengejar-nya bahkan pada keseluruhan-nya akan menimpa orang lain dan melarat-larat hingga kapada membahayakan kepentingan Ugama, negara, raja dan kerajaan, ia-itu mungkin sa-chara tidak di-sedari di-sebabkan kebanyakan orang membataskan tujuan2 atau matalamat2 kejayaan dan kemenangan itu pada perkara2 keduniaan sa-mata2 dan "sebok atau gagau" dengan usaha mendapatkan-nya lalu akan sedikit-lah atau mungkin akan tiada-lah lagi orang yang berhasrat menchapai atau memperoleh kemenangan dan kejayaan dalam ertikata yang sa-benarnya, atau kalaupun maseh ada orang yang sa-demikian itu, tetapi ia-nya di-ketepikan dan di-anggap "waleh" oleh orang ramai.




Oleh yang demikian, insaf-lah wahai saudara2 sa-ugama, bahawa fahaman sa-benar ertikata kejayaan dan kemenangan itu menurut ajaran Allah ialah selamat daripada azab Allah serta memperoleh keredhaan dengan menjadi ahli shorga. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ali-Embran ayat 185 yang bermaksud: *"Tiap2 yang bernyawa akan merasa (menemui) maut. Ada pun ganjaran kamu akan di-chukopkan pada hari kiamat. Maka orang yang di-hindarkan dari neraka dan di-masokkan ka-dalam shorga sa-sunggoh-nya orang itu beroleh kemenangan. Dan apa-lah kehidupan dunia ini (jika di-bandingkan dengan nekmat di-akhirat) hanya-lah kesenangan yang memperdayakan".*

Ya! Tiada-lah kejayaan yang lebeh besar daripada berjaya terselamat daripada azab Allah. Tiada-lah kemenangan yang lebeh agong daripada memenangi keredhaan Allah. Selamat daripada azab dan memperoleh keredhaan Allah ertinya kita layak dan di-jamin menjadi ahli shorga. Bukan-kah dalam hidup ini kita senantiasa mengidamkan nekmat? Maka shorga ada-lah nekmat yang paling besar yang sa-patut-nya menjadi matalamat terakhir bagi segala yang kita idam-idamkan. Dengan itu, terselamat daripada azab dan menjadi ahli shorga ada-lah yang paling utama di-ikhtiarkan.

Tegas-nya, di-dunia ini kita tidak-lah di-tegah daripada memperoleh kesenangan dan kepuasan asalkan kesenangan dan kepuasan itu menurut saluran2 yang di-halalkan dan di-haruskan oleh Allah. Hidup mulia, senang dalam mata penchariaan, berpangkat, dan berdarjat tinggi, mempunyai rumah, beristeri yang chantek, bersuami yang segak, berkenderaan yang bagus, makan minum yang baik — ada-lah semua-nya itu di-haruskan bagi kita memperolehi dengan chara yang berpatutan mengikut hukum Allah s.w.t.

Tiada samasekali kita di-suroh mensia-siakan tuboh badan atau jasad kita dalam kehidupan di-dunia ini bahkan kita di-tuntut menyempurnakan hak jasad kita itu dengan sa-baik2-nya. Bagi maksud2 itu-lah maka di-shari'atkan hukum dan peraturan2 supaya terjamin penchapaian maksud yang sa-benar-nya. Maka dalam berikhtiar menchapai kepuasan jasad dengan menurut hukum dan peraturan Allah, kita tidak sahaja beroleh kejayaan dan kemenangan yang berupa kepuasan di-dunia ini tetapi juga beroleh kejayaan dan kemenangan yang sa-benar di-akhirat ia itu terlepas daripada azab Allah serta memperoleh keredhaan dengan menjadi ahli shorga.

# Kejujoran dan khianat

ALLAH s.w.t. telah berfirman dalam Surah An-Anfal ayat 27 yang maksud-nya kira2: *"Hai orang2 yang beriman, jangan-lah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Nabi Muhammad) dan (juga) jangan-lah kamu mengkhianati amanat-amanat yang di-perchayakan kapada mu, sedang kamu mengetahui".*

Berpandukan firman di-atas, dapat-lah kita mengatakan bahawa kita di-larang mengkhianati apa-apa yang telah di-amanatkan kapada kita. Ataupun dengan lain perkataan kita di-suroh berlaku jujor terhadap apa2 yang telah di-amanatkan kapada kita. Menyentoh tentang kejujoran ini, ia boleh-lah di-ketengahkan sa-bagai salah satu keperluan di-dalam kehidupan kita sa-hari-hari. Tanpa kejujoran tentu-lah akan timbul berbagai-bagai perkara yang tidak baik dan tidak di-ingini.

Chuba kita bayangkan apa akan terjadi jika sikap kejujoran tidak ada pada sa-orang penjaga kedai? Ia tidak memperdulikan apa2 yang telah di-amanahkan oleh tuan-nya. Tentu-lah ia akan bertindak dengan sa-suka hati-nya mengikut nafsu dan perasaan. Ia tidak akan takut2 untok 'membawa keluar' apa2 yang di-ingini-nya termasok wang ringgit. Kalau-lah hal sa-rupa ini berlarutan berlaku di-sa-tiap hari tentu-lah hasil-nya akan mendukachitakan. Lama kelamaan apa2 yang di-amanahkan kapada-nya untok di-jaga dan di-jual akan habis dan terus habis. Dan mungkin juga kedai tersebut akan mengambil langkah 'menutop pintu'. Dalam hal yang lain, bayangkan apa akan terjadi jika sikap kejujoran ini tidak di-mileki oleh salah sa-orang yang di-anggap penting dalam sa-buah sharikat swasta? Tentu-lah ia tidak akan melakukan sa-suatu yang di-amanahkan kapada-nya itu dengan jujor. Juga tidak mustahil akan bermain di-benak fikiran-nya tentang chara2 menambahkan apa2 yang di-mileki-nya ketika ini. Dengan sebab itu-lah juga akan berlaku penyelewengan2 terhadap apa2 yang telah di-amanahkan kapada-nya itu. Dengan sebab ini juga perjalanan sharikat akan kuchar-kachir, dan akhir-nya akan "menggulong tikar".



GAMBAR menunjokkan majlis pengIslaman bagi Dayang Monica berusia 18 tahun yang berasal dari Niah, Miri, Sarawak dan telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Siti Khadijah bte Abdullah. Majlis tersebut di-langsongkan di-rumah Awang Abdul Hamid bin Haji Bakir di-Kampong Lambak, Berakas pada 1hb Jun yang baru lalu di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin.

## Bingkisan minggu ini

Memandang kapada chontoh2 yang telah di-sebutkan tadi kita akan berani mengatakan bahawa sikap jujor ini bukan saja di-mileki dalam masa menjalankan sa-suatu amanah yang di-pikulkan ka-atas diri kita, malahan ia perlu untok di-pergunakan pada bila2 masa saja dalam kehidupan kita ini, agar dengan itu nanti sa-suatu perjalanan dalam hidup itu akan berjalan dengan sempurna dan teratur.

Dalam sa-sebuah rumahtangga mithal-nya; ahli2 keluarga, samada ia di-anggap penting atau sa-balek-nya patut-lah menanamakan sikap jujor dalam apa2 jua hal. Jangan sa-kali-kali membelakangi kejujoran, sebab kalau kita sa-kali tidak jujor, orang tidak akan perchaya kapada kita buat sa-lama2-nya. Sa-bagai mithalan, salah sa-orang daripada ahli keluarga mengatakan itu dan mengatakan ini, pada hal apa2 yang di-katakan-nya itu ada-lah berupa suatu alasan yang senghaja di-ada2-kan. Konon hendak kerja lebeh masa-lah, itu-lah dan ini-lah, tapi tujuan sa-benar-nya ada-lah lain. Hasil-nya tentu-lah mendukachitaken. Apa hal-nya kalau 'tembelang' itu pechah? Tentu-lah periok belanga akan berterbangan ka-sana ka-mari. Ini-lah hasil yang akan di-perolehi jika sikap kejujoran ini tidak di-semaikan di-dalam sa-sebuah rumah-tangga.

Dalam hal yang lain pula, pernah-kah kita menjadi "mangsa" oleh sikap ketidak-jujoran ini? Dan bagaimana pula perasaan kita? Tentu-lah serba sedikit akan "mengharu" perasaan kita supaya marah, dan kalau-lah tidak dapat di-tahan-tahani tentu-lah kita akan melepaskan apa2 yang terpandam itu. Juga tentu-nya akan menjejaskan keperchayaan kita kapada-nya lagi. Betapa tidak-nya, dengan sebab dia-lah, kedai 'tutop pintu' dan sharikat 'gulong tikar' sa-hinggakan kita kehilangan mata penchariaan, yang sa-lama ini bergantong di-sana.

Jadi-nya, memandangkan kapada hasil2 yang kita di-ingini apabila sa-seorang itu membelakangi sikap jujor, maka kita patut-lah mengambil langkah yang positif untok mempraktikkan sikap kejujoran ini pada bila2 masa dan di-tempat mana sa-kali pun. Ia bukan saja patut untok di-perlakukan dalam masa menjalankan sa-suatu amanat yang di-pertanggong-jawabkan kapada kita malah untok di-pergunakan dalam sa-tiap saat dan ketika.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb Jun, 1979 hingga ka-hari Selasa 19hb Jun, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 15hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 16hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Peraduan Kor'an antara Jabatan2 Berunifom

BANDAR SERI BEGAWAN —Jabatan Laut tahun ini akan menjadi tuan rumah pertandingan membacha kitab suchi Al-Kor'an antara jabatan2 yang beruniform.

Pertandingan tersebut yang telah di-selenggarakan oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei sa-bagai tuan rumah tahun lalu akan di-sertai oleh lapan buah jabatan dengan dua orang wakil tiap2 jabatan.

Menurut setiausaha tertinggi bagi menyelanggarakan pertandingan itu akan di-langsongkan pada 11hb Ogos akan datang bertempat di-Dermaga Kastam di-sini pada sa-belah malam.

Jawatankuasa tertinggi yang baru di-bentuk dalam satu mashuarat yang telah di-adakan di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill telah melantek Pg Sabtu bin Pg Othman sa-laku pengerusi peraduan serta Awg Ismail bin Hassan sa-bagai setiausaha dan tujoh jawatankuasa tertinggi yang lain.

Johan dalam pertandingan itu nanti akan menggondol piala pusingan yang di-hadiahkan oleh YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan.




# Terima tauliah sa-bagai pegawai

SA-RAMAI tujoh orang Pegawai Waran, Staff Sergent dan sergent Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 11hb Mei yang baru lalu telah menerima tauliah kenaikan pangkat dan tongkat sa-bagai pegawai berpangkat Leftenan.

Upachara menyerahkan tauliah dan tongkat tersebut telah di-lakukan di-Mess Pegawai Berakas Kem dan di-sempurnakan oleh Pemerentah AMDB, Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts serta di-saksikan oleh pegawai2 kanan pasokan itu.

Mereka ada-lah terdiri (lihat gambar sa-belah dari kanan) Lt Mahmud bin Hj Fauzi (Sgt) dari chawangan Udara; Lt Osman bin Hj Salleh (Stf Sgt) dari Markas Pasokan; Lt Langkan bin Jali (PWII) dari Markas Pasokan; Lt Ghani bin Ismail (PWII) dari Markas Pasokan; Lt Kadir bin Hj Metali (PWI) dari Battalion Pertama; Pg Mohammad bin Pg Metassan (PWI) dari Markas Pasokan dan Lt Momin bin Ahad (Pemangku PWI) dari Markas Pasokan.



Sementara itu pada 9hb Mei yang lalu juga Pemerentah AMDB, Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts dengan di-temani oleh pegawai2 kanan Markas Pasokan telah membuat lawatan sengkat ka-Skuadron Perisai Peninjau di-Battalion Kedua Tutong.

Dalam lawatan itu Pemerentah AMDB telah menyaksikan sa-chara dekat tentang tugas2 dan peralatan skuadron tersebut oleh pegawai dan anggota berkenaan.

Kelihatan gambar di-bawah Brigadier Dato Norman Roberts dan di-kiri beliau Timbalan Penolong Pegawai Turus AMDB, Mejar Pg Dato Abidin ketika menyaksikan beberapa orang anggota skuadron itu dalam kerja2 membaiki peralatan tentera.

## "Latehan Tukar Angin"

KOMPENI A dari Battalion Pertama AMDB pada 10hb Mei hingga 24hb Mei lepas telah menjalani Latehan Tukar Angin mereka di-Hong Kong.

Rombongan tersebut yang di-ketuai oleh Kaptan Hayes bertujuan untok menambah kechekapan dan pengalaman dalam berbagai sudut ketenteraan termasok teknik peperangan dan gerakan.

Kelihatan dalam gambar di-bawah anggota2 pasokan tersebut dengan penoh disiplin sedang mendengar sa-suatu sa-belum latehan di-jalankan. Manakala bawah sa-kali mereka mendengar penerangan dan memerhatikan peta kedudokan bagi sa-suatu gerakan yang perlu mereka lakukan.



## Peraduan Antara Platon

SA-BANYAK 19 platon dari Battalion Kedua AMDB telah menyertai perlawanan tahunan antara platon yang telah di-adakan sa-lama lima hari dari 13hb hingga 18hb Mei lepas.

Perlawanan tersebut yang di-jalankan di-kawasan Kampong Layong, Tutong itu telah di-menangi oleh Platon ke-18, dari Kompeni F.

Dalam gambar di-bawah memperlihatkan sa-bahagian dari anggota Battalion Kedua yang menyertai perlawanan itu sedang melakukan gerakan tentera di-kawasan perlawanan, sementara gambar bawah sa-kali platon ke-18 yang berjaya bergambar ramai dengan bangga-nya berserta dengan hadiah2 kemenangan mereka yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Pemerentah Battalion Kedua Lt Kol W. R. Avens.











RANCHANGAN Siswazah Brunei minggu ini membawa satu perubahan 'selera' kapada para pendengar dengan beraleh meninjau pendapat sa-orang Siswazah Muda — lulusan di akhir2 tahun tujoh pulohan.

Awang Diris bin Haji Belaman, Pegawai Kaji Chuacha di-Jabatan Penerbangan Awam Brunei mempunyai kelulusan B.Sc (Honours) — Environmental Sciences akan menemui Awda pendengar dalam Ranchangan Siswazah Brunei keluaran hari Jumaat ini 15hb Jun jam 7.30 malam. Siaran ulangan-nya hari Sabtu jam 1.00 tengah hari.

Gambar atas kelihatan beliau sedang di-temuramah oleh Awang Malek Awang Tengah di-Studio RTB.



NEXT on the list our "Brunei Graduates" is Dayang Mislee Ha acting head of Planning Research and Guidance at the Educ partment. Being one of those successful ladies in the acade she must have lots of interesting things to tell us all. So join her tomorrow afternoon at 12.45 pm in our weekly prog "Brunei Graduates" from the English Service and you can al in to it's repeat on Sunday 17th June at 8.00 pm just in case the first broadcast.

**Photograph shows Dayang Mislee facing the Camera being intervi Viviyanti Ali — the producer.**

## Kuiz Sekolah2 Menengah

SA-BANYAK 16 buah Sekolah2 Menengah dan Maktab2 telah mengambil bahagian dalam pertandingan kuiz tahun ini. Projek tahunan Jabatan Pelajaran, Bahagian Kesenian itu mula di-jalankan pada penghujong bulan Januari dan telah pun berakhir pertengahan bulan lalu. Pasokan yang telah berjaya untok memasoki perengkat akhir itu ia-lah dari Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Sains, Jalan Muara.

Pertandingan di-antara kedua pasokan ini akan dapat awda saksikan melalui kacha TV awda pada hari Sabtu, 23hb Jun, 1979 jam 8.45 malam. Untok mengetahuì kepintaran wakil dari Maktab Anthony Abell, Seria mengalahkan lawannya, jangan lupa untok menyaksikan pertandingan Kuiz Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-negeri ini.



KUMPOLAN Lawak Jenaka Haji Ahim (atas) telah mendapat tawaran dari Radio Brunei untok menyediakan beberapa ranchangan lawak jenaka untok siaran pada Hari Raya nanti. Di-samping itu kumpolan ini juga telah di-minta menganjorkan beberapa lawak jenaka bulan depan sempena perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## "Land of Opportunity"

NEW Zealand ia-lah sa-buah tempat yang mempunyai alam tumboh2-an yang unik. Terima-kaseh kapada benua yang terapong2 ini, daerah asing yang mengandongi tumboh2an flora dan binatang mergastua yang terpenchil di-Laut2 Selatan dan mengandongi simpanan2 perkembangan2 awal tumboh2-an sana.

Dalam ranchangan ini, kami membuat peninjauan khas tentang penyesuaian sistem2 pembiakan tumboh2an yang sudah tentu-nya melibatkan peranan kehidupan binatang dalam bahagian penyerbokan, pencheraian biji dan seterus-nya burong2 dan lebah. Sa-bagai chontoh alam semua jadi yang sa-jajar, filem ini berakhir dengan penggambaran yang jarang di-dapati mengenai penetasan telor kiwi sa-chara besar2an.

Ikuti-lah penggambaran2 yang menarek dalam siri Botanic Man kali ini yang bertajok "Land of Opportunity" pada malam ini jam 7.10.



KELIHATAN Dr David Bellamy telah menyelenggarakan siri BOTAN yang penggambaran-nya meliputi dunia termasok Brunei.



SA-KUMPOLAN adek2 (gambar atas) sedang mempelajari sa-buah tarian dari sa-orang guru-tari profeshenal dari Singapura di-Studio RTB. Tarian ini akan di-persembahkan nanti sa-bagai satu achara dalam Pertandingan Akhir Bintang Kechil RTB 1979 pada bulan depan.



SEMPENA menyambut Hari Keputeraan Baginda Queen pada 16 ranchangan tempatan berjodol 'LUKISAN IRAMA'. Ranchangan yang mengesahkan satu pertemuan antara teruna dan dara yang jinjang pelamin dan hidup rukun damai sa-panjang masa.

Para pelakun dan penyanyi yang mendokong ranchangan tempatan yang mempunyai masa depan yang cherah, manakala pel Mahari, yang mempunyai suara yang dapat di-ketengahkan (gam



# "PERMINTAAN AWDA" ranchangan baru RTB

RTB sedang membuat persiapan untok siri ranchangan TV tempatan baru — PERMINTAAN AWDA. Dalam ranchangan ini, para penunton di-beri peluang untok membuat sebarang permintaan sa-chara bertulis atau menerusi talipon, dan pehak RTB akan chuba memakbulkan permintaan2 awda itu. Ranchangan ini juga di-tujukan khas untok semua penunton2 dan pendengar2 ranchangan2 Radio dan Talivishen Brunei.

Mithalan-nya :—

a) Permintaan lagu2 untok di-tujukan kapada sa-seorang yang berada di-tempat lain;

b) Adegan2 dalam ranchangan2 Radio dan TV yang hendak di-ulang siaran-nya;

c) Komen2 dari ranchangan2 Radio atau TV yang awda ingin tahu sebab2-nya;

d) Soalan2 yang awda ingin tahu tentang resepi masakan, belajar musik, berchuchok tanam atau chara2 kami membuat ranchangan Radio dan TV, atau ingin berkenalan dengan kaki-tangan RTB dan sa-bagai-nya;

e) Pertanyaan berkenaan dengan kejadian2 yang berlaku di-Brunei sa-panjang tahun.

Semua soalan2 dan permintaan hendak-lah meliputi aspek2 keBruneian dan segala komen2 hendak-lah yang berchorak membena supaya dapat kami pertimbangkan dan memperbaiki kesilapan2 yang berlaku dan juga di-fikirkan mampu bagi pehak RTB memenohi hasrat permintaan awda penunton.

Sila tujukan semua surat2 permintaan awda kapada Penerbit, 'Permintaan Awda', Radio Talivishen Brunei, Bandar Seri Begawan.

intisari RTB minggu ini

# "Flash Point" tajok Man Undercover minggu ini

DALAM siri Man Undercover yang membawa cherita 'Flash Point' mengesahkan pehak pulis menyangka John Frazier telah membunoh sa-orang pelachor. Dia merupakan sa-orang yang berkaitan dengan pertubohan penjenayah dan menyelenggarakan beberapa kumpolan pelachoran. Dan Shay di-tugaskan untok membuat penyiasatan.

Shay meronda di-jalan2 raya dengan harapan-nya untok mendapatkan sebarang keterangan tentang pembunohan itu. Dia bertemu dan bersahabat baik dengan Caryl Manning, sa-orang perempuan muda yang jujor dan maseh baru untok mengalami kehidupan kota, tanpa sebarang pekerjaan dan dalam keadaan kekurangan wang. Shay memberi alamat dan tempat tinggal yang selamat. Pada hari berikut-nya Shay tiba tepat pada masa-nya untok menghalang Caryl dari menerima pelawaan sa-orang muda yang kelihatan-nya saperti berbudi tapi sa-benar-nya sa-orang yang jahat.

Bila pelachor yang kedua di-bunoh yang dalam beberapa hal sama saperti yang pertama dulu, bokti2 telah menuju kapada Frank Damano yang bekerja untok Frazier. Sa-lepas satu perchubaan yang di-buat oleh pegawai2 Sanchez, Epps dan Shay gagal untok membawa Damano ka-penjara, Sgt. Abrams berchadang untok menggunakan Caryl sa-bagai umpan untok memerangkap-nya. Kerana merasa bertanggong-jawab terhadap Caryl, Shay tidak bersetuju sa-penoh-nya terhadap ranchangan ini.

Apa-kah yang akan terjadi sa lanjut-nya? Berjaya-kah Shay dalam tugas-nya kali ini? Saksikan-lah kesah seterus-nya pada hari Selasa jam 10.15 malam.

**GAMBAR bawah David Cassidy yang menjadi bintang utama dalam siri ini yang memainkan peranan sa-bagai Dan Shay di-samping isteri-nya yang selalu merasa bimbang kerana tugas dan penglibatan suami-nya yang merbahaya dalam siri Man Undercover.**



... Jun ini RTB akan menayangkan satu ... merupakan sa-buah drama dalam lagu ... pertemuan ini membawa mereka ka-...

... ia-lah Jasni Buntar, sa-orang penyanyi ... perempuan-nya ia-lah Dk Kamsiah Pg ...



# RANCHANGAN TVP MINGGU INI

DALAM siri "Let's Speak English" ranchangan ketiga belas (remake), Che'gu Jinab memperkenalkan kapada murid2 akan perkataan2 'Near' dan 'Under', di-ikuti dengan animasi bagi menguatkan lagi penggunaan 'Near' dan 'Under'. Sa-telah itu Che'gu Jinab dan Fatimah berbinchang mengenai dengan kedua2 perkataan tadi yang mana Fatimah dapati penggunaan perkataan2 itu sangat susah. Che'gu Jinab pula menunjokkan dan menerangkan kapada-nya dengan menggunakan gambar2. Dan bagi mempastikan yang Fatimah itu telah faham dan ingat, Che'gu Jinab telah mengemukakan beberapa soalan.

Dalam ranchangan ini, Nadzaty, sa-orang murid perempuan, memperkenalkan diri-nya kapada Fatimah dan Siti. Di-samping itu juga Nadzaty membacha sa-buah cherita. Dalam cherita ini perkataan2 'Near' dan 'Under' banyak di-gunakan.



**Gambar saperti yang terdapat dalam cherita.**

Sa-lepas cherita ini, Che'gu Jinab, Nadzaty, Fatimah dan Siti menyanyikan sa-buah lagu bernama 'If you are happy'. Berikut ia-lah senikata2 lagu itu.

If you're happy and you know it, clap your hands.
If you're happy and you know it, clap your hands.
If you're happy and you know it, then you'll surely want to show it.
If you're happy and you know it, clap your hands.

If you're happy and you know it, nod your head.
If you're happy and you know it, nod your head.
If you're happy and you know it, then you'll surely want to show it.
If you're happy and you know it, nod your head.

If you're happy and you know it, wave your hands.
If you're happy and you know it, wave your hands.
If you're happy and you know it, then you'll surely want to show it.
If you're happy and you know it, wave your hands.

If you're happy and you know it, shout horray.
If you're happy and you know it, shout horray.
If you're happy and you know it, then you'll surely want to show it.
If you're happy and you know it, shout horray.

If you're happy and you know it, clap your hands.
If you're happy and you know it, clap your hands.
If you're happy and you know it, then you'll surely want to show it.
If you're happy and you know it, clap your hands.

Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan ketiga belas bertajok 'Mesin Mudah 1'. Dalam ranchangan ini murid2 akan dapat melihat bagaimana orang2 purba menggunakan mesin chiptaan mereka bagi sa-suatu maksud saperti batu bagi memechahkan benda2 yang keras, busar dan anak panah bagi memburu binatang2 dan pengayoh bagi menggerakkan perahu dengan laju.

Di-samping itu juga murid2 akan di-perlihatkan bagaimana kain2 tenun dapat di-buat dengan menggunakan mesin ia-itu mesin tenun.

Mesin2 moden yang kita gunakan pada masa ini telah dapat di-chipta kerana ada-nya penemuan2 yang telah di-buat oleh datok nenek kita semenjak beribu2 tahun yang lalu.

**Gambar ini menunjokkan orang2 dahulu menggunakan busar dan anak panah.**



Kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 18hb. Jun 1979. "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukol 8.50 pagi dan "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" pada pukol 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 19hb., 20hb dan 21hb Jun 1979 pada waktu yang sama.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI :** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG :** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI :** 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG :** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI :** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran· 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI :** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00— Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang di-undang untok memileh lagu2 dalam ruangan "Apa Pilehan Awda" minggu ini ia-lah Dayang Siti Hanim bte Ibrahim yang beralamat No. 16A, Kampong Pengiran Bendahara Lama, Bandar Seri Begawan.

Dalam ranchangan sa-tengah jam itu, Dayang Siti Hanim akan memileh tujoh buah lagu untok hiboran peminat2 ranchangan ini.

Lagu2 pilehan Dayang Siti Hanim dapat di-dengar pada hari Jumaat 15hb Jun jam 9.00 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON :** 12.00 — Hits In Germany. **PM :** 12.00 — News; 12.45—International Money Programme; 1.00—Ready to Roll introduced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakup; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — I Never Knew The World was so beautiful; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON :** 12.00 — My Music. **PM :** 12.30— News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00 — Science Journal; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 - Opening Announcement—Rock Line; 11.15—My Word; 11.45 — Light Music From Netherland. **NOON :** 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Stars And Steel Guitar; 1.00 — Free by Jaafar Yaakob; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—My Word (repeat); 8.30 — Sheikh Abas calling on you; 9.15 — News; 9.30—Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 11.30 — Internatioual Call. **NOON :** 12.00 — From Rag to Rock — 3, Creola Trombones. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00—Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — "The Painted Vail" episode 2/12; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00—Close Down.

## SUNDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON :** 12.00 — Forum. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — The Musical Diary compiled and produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — 33.33 with Bob Kay; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 —Sunday Night Special with Jaafar Yaakob; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. **NOON :** 12.00 — Dad's Army. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Frank Muir Version 2. Table Manners; 1.15—Higher and Faster; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Moulders of Western Philosophy "Descartes"; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: "Night Story" by Michael Kittermaster; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. **NOON :** 12.00 — 'A-Pickin and A-Grinnin' — The History of Country Music. **PM :** 12.30 — News. 12.45 — Science Journal (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring Mike Heron's Reputation; 8.30 — It's All Yours — Veronica Shim; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Ready To Roll; 10.00 — Close Down.

# KETETAPAN HARGA KERETA TOYOTA

**ADA-LAH di-maalomkan kapada orang ramai khas-nya pembeli2** di-negeri ini bahawa Pengawal Harga dengan sukachita-nya telah bersetuju menurunkan harga2 kereta jenis Toyota dari NBT (BRUNEI) LIMITED dengan susunan harga saperti berikut di-bawah ini bermula dari 1hb Jun, 1979 : —

| JENIS KERETA (Type of Car) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| TOYOTA STARLET HATCHBACK (5-Speed) Model: KP 60R-PHMRS Radial Tyres, RR. Window Defogger, Rear Wiper, Outer Mirror DR.1 Carpet, AM Radio, Seat Belt FR-3P, Clock Turning Folk Type, Cigarette Lighter, Floor Mat | $ 9,500.00 | $ 9,906.00 |
| TOYOTA COROLLA SEDAN (TYPE A) Model: KE 30R-KRF Radial Tyres, Rear Window Defogger, Seat Belt Front only, Clock, Floor Carpet, AM Radio, Seat Belt Anchor | $10,445.00 | $10,855.00 |
| TOYOTA COROLLA STD (TYPE B) Model: KE 30R-KDF Radial Tyres, Rear Window Defogger Seat Belt FR only, Clock, Carpet, AM Radio | $10,000.00 | $10,410.00 |
| TOYOTA COROLLA COUPE (Hard Top). Model : KE 35R-KD Radial Tyres, Rear Window Defogger, Seat Belt Front only, Floor Carpet, AM Radio, Cigarette Lighter | $10,140.00 | $10,550.00 |
| TOYOTA COROLLA STATION WAGON Model: KE 36RV-KRF Radial Tyres, Rear Window Defogger, Seat Belt FR only, Clock, Floor Carpet, AM Radio, Seat Belt Anchor | $10,100.00 | $10,610.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model TA 40R-AEKDS 165 x 13" Radial Tyres, Outer Mirror Benztype, Side Protect Moulding, Console Box, AM Radio, 5-Button, Cassette Car Stereo, Seat Belt FR 3P. (ELR) only, Crystal Clock (large) Floor Mat Carpet, Cig. Lighter and Blower | $11,700.00 | $12,183.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model: TA 40R-AEKDS 165 x 13" Radial Tyres, Air-Condition, Outer Mirror Benztype, Side Protect Moulding, Console Box, AM Radio 5-Button, Cassette Car Stereo, Seat Belt FR 3P (ELR) only, Crystal Clock (large) Floor Mat Carpet, Cig. Lighter | $13,440.00 | $13,940.00 |
| TOYOTA CRESSIDA SEDAN DL Model: RX 30R-EKD (A/Con) 6.45 x 14" Cross-ply tyre, AM Radio Cassette Car Stereo, Carpet, Cigar Lighter, Rear Window Defogger, Outer Mirror Fender 2, Auto Clock Quartz Analog, Centre Console, Cloth Seat Cover etc. | $15,470.00 | $16,052.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model: RX 35R-WKR 6.45 x 14" Cross-ply tyres, Cigar Lighter, Wing Mirrors, Armrest, Collapsible rear seat | $13,400.00 | $13,946.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model: RX 35R-WKR (A/Cond) 6.45 x 14" Cross-ply tyres, Cigar Lighter, Wing Mirror, Armrest, Collapsible rear seat | $14,850.00 | $15,423.00 |
| TOYOTA CORONA STATION WAGON. Model: RT 130 — TWKRS (5-Doors) 165 x 13" Radial Tyres Collapsible rear seat | $13,200.00 | $13,710.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 SALOON. Model: TT 132R — TEMDS (Non-A/Cond), 5 Speed Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Cigarette Lighter, Auto Clock Tuning, Carpet, Seat Belt FR 3, ELR only, Rear Window Defogger, Fender Mirror 2, Side Protect Moulding | $12,900.00 | $13,433.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 SALOON. Model TT 132R — TEMDS A/Cond (5-Speed) Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Cigarette Lighter, Auto Clock Tuning, , Carpet, Seat Belt FR 3, ELR only, Rear Window Defogger, Fender Mirror 2, Side Protect Moulding | $14,250.00 | $14,792.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 LIFTBACK. Model: TT 132R — TLMDS (Non-A/Cond), Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Rear Window Wiper and Washer, Rear Window Defogger, Cigarette Lighter, Auto Clock Tuning, Carpet, Seat Belt FR. 3 ELR, Fender Mirror 2 and Side Moulding | $13,600.00 | $14,142.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 LIFTBACK. Model: TT 132R — TLMDS (A/Cond), Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Rear Window Wiper and Washer, Rear Window Defogger, Cigarette Lighter, Auto Clock Tuning, Carpet, Seat Belt FR. 3 ELR, Fender Mirror 2 and Side Moulding | $14,900.00 | $15,469.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Pemuda2 di-kehendaki untok berkhidmat dengan pasokan AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sedang menjalankan kempen pengambilan rekrut2 baru untok berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai soldadu, artisan, juruteknik dan lain2.

Pemuda2 yang di-pileh akan menjalani latehan salama 25 minggu di-'R' Kompeni, Pusat Latehan AMDB, Perkhemahan Berakas mulai 3hb September 1979.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang terdiri dari salah satu puak Jati Brunei (Brunei, Tutong, Kedayan, Dusun, Belait, Murut dan Bisaya). Berat badan tidak kurang dari 105 paun dan tinggi tidak kurang dari 5 kaki 1 inchi. Lulus Darjah Enam Melayu atau sa-banding dengan-nya. Bagi Artisan dan juruteknik, pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education dan 'O' Level dalam matapelajaran sains, hisab dan Bahasa Inggeris.

Gaji bagi sa-orang rekrut ia-lah $346.00 sa-bulan dan di-tambah $162.00 sa-bagai alaon chatuan. Sa-telah berjaya menamatkan latehan asas, gaji akan di-naikkan kapada $378.00 bagi Soldadu biasa; $392.00 bagi Artisan dan $434.00 bagi juruteknik dan di-tambah $162.00 sa-bagai alaon chatuan bagi semua perengkat.

Pemohon2 hendak-lah hadhir untok di-temuduga oleh Pegawai2 Pengambilan pada tarikh2 dan tempat2 yang berikut. Semua temuduga akan di-adakan dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Temuduga bagi pemohon2 di-Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Dewan Bandaran BSB dari 19hb hingga 21hb Jun.

Pemohon2 di-Daerah Tutong boleh-lah datang ka-Bilek Perpustakaan Pekan Tutong pada 19hb hingga 21hb Jun.

Pada hari ini dan esok, 14hb Jun dan 25hb hingga 27hb Jun rombongan pengambilan itu akan berada di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait untok menemuduga pemohon di-Daerah Belait.

Rombongan Pegawai Pengambilan itu akan berada di-Bilek Perpustakaan Pekan Tutong sa-kali lagi pada hari ini dan esok dan juga dari 25hb hingga 27hb Jun.

Jika pemohon2 tidak berkesempatan untok menghadhiri temuduga saperti tarikh yang di-tetapkan itu, mereka boleh juga berhubong terus kapada Pegawai Pengambilan Pasokan, Pusat Latehan AMDB, Perkhemahan Bolkiah bila2 waktu hari bekerja.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 7hb Jun, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   c) Ming Thai Company. No. 32, Jalan Sultan.
2. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Hiap Kee, No. 1, Kg. Sultan Lama.
3. MEAT CURRY POWDER 340g — (Chap Rusa) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Ching Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) A.M. Mohammad Ali Maricar, No. 87, Jalan Chevalier.
   c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   d) Haji C. A. Mohamed & Sons, No. 59, Kg Sultan Lama.

**KUALA BELAIT :**

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   b) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan Mckerron,
   c) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.
3. MEAT CURRY POWDER 340g — (Chap Rusa) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
   b) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty.
   c) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   d) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.

**SERIA :**

1. BAWANG BESAR — 85 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   Yick Fatt, No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.
2. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
3. MEAT CURRY POWDER 340g (Chap Rusa) — $1.65 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Heng & Co. No. 30 Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Wong Wah Seng Trading. No. 74, Jalan Bunga Kenanga.



**AWANG Abdul Hamid menyampaikan hadiah kapada pelajar terbaik, Dayangku Saadiah binte Pengiran Tuah.**

# Wang Pos ini tidak lagi di-terima

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos mengumomkan bahawa semua perkhidmatan Pos di-negeri ini tidak lagi menerima wang pos yang di-keluarkan oleh Repablik Ireland.

Peratoran baru itu ada-lah di-sebabkan oleh perbedzaan nilai mata wang repablik itu dengan United Kingdom dan mulai di-kuatkuasakan sejak 4hb Jun yang lalu.

# Chenderamata kapada pelajar2 Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 25 orang pelajar Kelas Al-Kor'an pimpinan Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit telah menerima chenderamata masing2 di-satu majlis yang telah di-adakan di-Bilek Jururawat, Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

Penyampaian chenderamata tersebut telah di-lakukan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awg Abdul Hamid bin Haji Ismail.

Pelajar2 yang menerima chenderamata pada hari itu ada-lah terdiri dari Pelajar2 Al-Kor'an Dewan Bahasa dan Pustaka, Pelajar2 dari Jabatan Bomba dan Pelajar2 dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Dari jumlah itu sa-ramai lima orang pelajar telah di-pileh sa-bagai pelajar terbaik bagi tahun 1979. Mereka ia-lah Dayangku Saadiah bte Pg. Tuah, Awang Yaakob bin Haji Md Yusof, Awang Mansor bin Haji Damit, Awang Hassim bin Haji Hassan dan Pengiran Rohana bte Pengiran Temanggong Pg. Haji Mohammad.

Majlis yang di-adakan pada petang itu ada-lah merupakan lanjutan dari penyampaian chenderamata yang di-adakan pada tahun lepas di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

## MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

# ORANG YANG MEMPUNYAI PEMAHAMAN RAKSASA

**OLEH: STEWART WAVELL**

**Siri ke-30**

JIKA awda di-tanya: "Siapa-kah pemain chator yang paling handal?" awda mungkin termenong sa-ketika, ragu2 sa-ketika antara nama2 Capablanca, Bobby Fisher, dan Dr Lasker, tetapi akhir-nya awda mungkin terpaksa menjawab — Alexander Alekhine! Itu tentu-nya tergantong apa yang awda maksudkan dengan **paling handal.** Berdasarkan keputusan2 perlawanan? Prestasi kreatif? Kemahiran Kombinasi? Pemikiran yang dalam mengenai strateji? Sumbangan kapada teori pembukaan? Kebolehan mengesan hakikat2 yang jauh tersembunyi, dan pemahaman kehalusan saikoloji chator? Semua itu dapat di-chapai oleh Alekhine dengan chemerlang. "Prestasi-nya yang penoh dengan serba kemungkinan itu," kata Kotov, "mengatasi semua juara dunia yang lain, mungkin dengan satu kekechualian ia-itu Emannuel Lasker" (dan menurut sukat2 sekarang — Bobby Fisher). "Dia juga mengalahkan mereka semua dalam bidang prestasi kreatif. Beratus-ratus permainan Alekhine yang bermutu tinggi ada-lah di-pelajari oleh semua pemain chator dalam kurun ini, dan tidak shak lagi akan terus di-pelajari dalam kurun2 akan datang . . ."

Itu ada-lah betul. Jika awda memileh buku Alekhine **My Best of Chess 1908—1923,** awda sudah memileki satu koleksi permainan terbaik dalam sejarah chator. Beli buku itu. Atau dapatkan sa-bagai hadiah dari kawan awda. Buku itu mula2 di-chetak oleh G. Bell and Sons, London dalam tahun 1927 dan chetak-ulang-nya yang terakhir ada-lah dalam tahun 1973. Lanjutan daripada buku itu awda boleh juga membacha permainan-nya dari tahun 1924 hingga 1937.

Apa-kah pendapat Bobby Fisher mengenai Alekhine? "Permainan-nya ada-lah paling rumit, lebeh rumit daripada pemainan mana2 pemain sa-belum atau sa-lepas-nya. Dia memainkan pemahaman raksasa yang penoh idea2 maha hebat yang tidak terdapat sa-belum-nya." Schonberg berkata: "Dia begitu panjang akal, dapat menguasai semua perengkat permainan, susunan permainan-nya ada-lah gubahan muzik yang merdu mempesonakan dengan harmoni yang penoh warna-warni, mendekati kapada bunyi janggal yang tidak siapa pun pada masa itu dapat mengikuti-nya. Ada orang berpendapat bahawa dalam mana2 satu permainan, Alekhine terpaksa di-kalahkan tiga kali-sa-kali dalam permainan pembukaan, sa-kali dalam permainan tengah, dan sa-kali lagi dalam permainan



hujong." Edward Lasker menamakan-nya sa-orang jinias penchipta terhandal yang pernah wujud dalam permainan chator. Dr Euwe, yang baru2 ini bersara sa-bagai Yang Dipertua Persekutuan Chator Dunia, dan sa-chara kebetulan datang ka-Brunei, menamakan-nya "pemain penyerang yang terhandal untok sa-panjang zaman. Dia dapat menggoyangkan kombinasi2 dengan sa-suatu yang tersembunyi, dan dengan tiba2 meledakan satu kedudokan yang pada mula-nya nampak statik." Rudolph Spielmann, pemain korban yang mashhor itu, berkata: 'Saya dapat memahami konbinasi2-nya dengan baik, tapi dari mana ia memperolehi peluang2 untok menyerang dan bagaimana sejak awal2 lagi ia dapat menuang hayat ka-dalam permainan pembukaan — itu yang di-luar jangkauan pemahaman saya." Boris Spassky mengaku: "Sahingga akhir, permainan2-nya ada-lah tidak terjangkau oleh pemahaman saya."

Di-lahirkan di-Moscow pada 1hb Nobember, 1892, Alexander Alekhine ada-lah anak sa-orang bangsawan. Ibu-nya ada-lah anak kapada sa-orang pengusaha yang kaya, dan ibu-nya-lah yang mengajar-nya gerak2 dalam permainan chator. Dia bukan-nya anak yang berbakat luar biasa: permainan chator subor mantap dalam otak-nya ketika berumor 16 tahun apabila ia memenangi Perlawanan-nya yang pertama di-St Petersburg. Orang2 berkedudokan tinggi di-Rusia pada zaman Kaisar sudah lama mengimpikan supaya kejuaraan dunia di-sandang oleh salah sa-orang di-kalangan raayat Rusia, dan mereka telah berdukachita dengan kegagalan2 Chigorin ketika bermain melawan Steinitz. Rubinstein, walau pun sa-orang pemain chemerlang, juga mengechewakan mereka. Sekarang impian mereka itu tertumpu kapada Alekhine. Sifat2-nya yang baik ketika muda ada-lah ia mempunyai kekuatan budi pekerti, ketekunan, dan ketabahan. Malang-nya, ia mengabaikan pengajian-nya untok bermain chator; walau pun begitu ia berjaya juga di-sekolah undang2.

Banyak pemain permulaan menchontohi Alekhine. Dia bukan-lah jinias gampang saperti Capablanca. Dia terpaksa bekerja keras untok menghalusi bakat-nya. Tartakower menerangkan kunchi kepintaran Alekhine bermain chator: "Alekhine ada-lah tabah, bukan sahaja ketika menghadapi kegagalan, tetapi juga ketika memperolehi kejayaan. Dia mensifatkan sa-tiap kejayaan hanya sa-bagai satu anak tangga yang melorongkan-nya ka-anak tangga yang lebeh tinggi. Alekhine mensifatkan seluroh karier-nya bermain chator dalam bentok anak tangga saperti itu."

Sa-lepas kejayaan-nya di-St Petersburg, Alekhine mengarahkan pandangan-nya kapada kejuaraan dunia, bukan untok mengalahkan Dr Lasker ia-itu juara ketika itu, tetapi bakal pengganti-nya yang di-ketahui-nya tentu-lah Capablanca.

Ketika Perang meletus dalam tahun 1914, Alekhine berada di-seberang laut tetapi ia dengan sukarela pulang ka-Rusia dan berkhidmat dalam Regu Perubatan. Dia terkena gegaran bom dan akibat-nya tidak dapat bermain chator sa-lama tujoh tahun. Dalam tahun 1925 ia bermain di-Paris, Berne, dan Baden-Baden melawan pemain2 dunia yang terbaik dengan mendapat tiga kemenangan Pertandingan berturut-turut. Kemenangan-nya ka-atas Tarrasch, Nimzowitsch, dan Marshall ada-lah sa-bahagian daripada khazanah gemilang permainan chator. Di-Buenos Aires dalam tahun 1927, sa-lepas satu permainan marathon, Alekhine mengalahkan Capablanca dengan enam kemenangan berbalas tiga dan dua puloh lima seri untok menjadi juara dunia. Sa-panjang karier-nya bermain chator, ia mendapat tempat pertama tiga puloh lima kali, dua belas kali berkongsi tempat pertama dengan pemain lain, dan lima kali tempat kedua. Salah satu permainan-nya yang chemerlang ada-lah ketika melawan Reti di-Baden-Baden dalam tahun 1925. Reti bermain Puteh dan menggunakan pembukaan 'hypermodern'-nya — B-g3.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-g3 | B-e5 |
| 2. | K-f3 | B-e4 |
| 3. | K-d4 | B-d5 |
| 4. | B-d3 | BxB |
| 5. | MxB | K-f6 |
| 6. | G-g2 | G-b4 asah |
| 7. | G-d2 | GxG asah |
| 8. | KxG | 0-0 |
| 9. | B-c4 | K-a6 |
| 10. | BxB | K-b4 |
| 11. | M-c4 | K(b4)x B(d5) |
| 12. | K(d2)-b3 | B-c6 |
| 13. | 0-0 | T-e8 |
| 14. | T(f8)-d8 | G-g4 |
| 15. | T-d2 | M-c8 |
| 16. | K-c5 | G-h3 |
| 17. | G-f3 | G-g4 |
| 18. | G-g2 | G-h3 |
| 19. | G-f3 | G-g4 |
| 20. | G-h1 | B-h5 |
| 21. | B-b4 | B-a6 |
| 22. | T-c1 | B-h4 |
| 23. | B-a4 | BxB |
| 24. | B(h2)xB | M-c7 |
| 25. | B-b5 | B(a6)xB |
| 26. | BxB | T-e3! |
| 27. | K-f3 | BxB |
| 28. | MxB | K-c3 |
| 29. | MxB | MxM |
| 30. | KxM | KxB asah |
| 31. | R-h2 | K-e4! |
| 32. | T-c4 | KxB(f2) |
| 33. | G-g2 | G-e6! |

**Sudah pun meranchang pasak untok kemenangan itu!**

| | | |
|---|---|---|
| 34. | T(c4)-2 | K-g4 asah |
| 35. | R-h3 | K-e5 asah |
| 36. | R-h2 | TxK |
| 37. | TxK | K-g4 asah |
| 38. | R-h3 | K-e3 aras |
| 39. | R-h2 | KxT |
| 40. | GxT | K-d4! |
| 41. | Menyerah kalah. | |

Chuba bayangkan apa yang akan terjadi dengan mengingat satu kemungkinan pasak Gajah Hitam pada petak d5!

Alekhine kahwin empat kali dengan perempuan yang lebeh tua daripada-nya. Dia mula jadi peminum yang berlebeh-lebehan, terlepas mahkota juara dunia kapada Dr Max Euwe dari Holland tetapi dengan hanya minum susu ia dapat merebut-nya kembali dua tahun kemudian.

### HURAIAN MASA'ALAH 26

**1. KxB! ada-lah keselurohan-nya sesuai dengan stail Tal. 1. . . ., TxK (1. . . ., RxK tidak ada harapan: 2. GxB asah, RxG; 3. TxM, TxT; 4. B-d6). 2. GxB, M-d6; 3. GxT asah, RxG; 4. TxT, GxT; 5. M-c2. Puteh mendapat satu tempo untok menyerang kedudokan musoh. 5. . . ., G-d7; 6. M-h7 asah, R-f8; 7. T-e3, Hitam menyerah kalah. Ada-kah awda sudah mula berfikir saperti Tal ?**

## MASA'ALAH 27

**Di-Chicago dalam tahun 1933 Alekhine melakukan 32 permainan sa-rentak dengan bertutop mata. Permainan pertunjokan itu mengambil masa 10 jam. Dia menang 19, kalah 4, dan yang lebeh-nya seri. Berikut ada-lah permainan-nya bertutop mata melawan Feldt dalam tahun 1916 di-Tyernopol. Alekhine (Puteh) hendak bergerak dan melakukan mat dalam 4 gerak. Malah mat itu dapat di-lakukan-nya dalam 2 gerak.**




Rajah 75



**PUSINGAN** pertama kejohanan chator perseorangan anjoran Persatuan Chator Brunei sempena sambutan ulang tahun hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan telah pun bermula minggu lalu.

Perlawanan yang terbahagi kapada tiga bahagian itu telah di-sertai oleh lebeh 80 orang peserta. Gambar atas kelihatan Awang Anthony Chin (bertopang dagu) dan Awang Mohamad bin Haji Awang Damit, kedua2-nya merupakan jagoh chator kebangsaan sedang beradu dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan berlangsong di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

BELIA DAN SOKAN



**PASOKAN** Perkasa telah berjaya mengalahkan Pasokan Muara United 6-3 dalam perlawanan pusingan kedua suku akhir bagi kejohanan liga bola sepak Brunei yang telah di-adakan di-Padang Gadong minggu lalu 3hb Jun, 1979.

Perlawanan tersebut ada-lah merupakan pertemuan buat kali kedua bagi kedua2 pasokan setelah seri 1-1 dalam perlawanan pertama-nya yang telah di-adakan di-padang yang sama beberapa hari sebelum itu (gambar atas).— Kiriman A. Puteh Mohammad.

# Lebeh 350 sertai Semi-Marathon

MUARA.—Lebeh dari 350 peserta lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki semi-marathon anjoran Persatuan Belia Sumbiling sempena mengeluaran Putera Sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah berlangsong minggu lalu di-sini.

Para peserta lelaki telah melakukan perjalanan sa-jauh 17 batu bermula dari Pekan Muara sementara peserta wanita pula ia-lah sa-jauh 10 batu bermula dari simpang mentiri berdekatan dengan Pengkalan Sibabau. Kedua2-nya berakhir di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Perlumbaan tersebut terbahagi kapada lima bahagian. Lima hadiah rebutan yang berupa empat piala dan satu perisai khas bagi peserta wanita terbuka telah di-menangi.

Keputusan yang di-perolehi dari perlumbaan menunjokkan, bahagian lelaki dan wanita terbuka masing2 telah di-menangi oleh Major Swanson dari Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei dan Dayang Norinah Kamis dari Sekolah Persediaan Inggeris Gadong. Bahagian lelaki veteran pula telah di-menangi oleh Staff Sgt Ismail bin Ibrahim.

Berakas Group, johan berpasokan tahun lalu, sekali lagi telah berjaya memenangi perlumbaan dalam bahagian wanita berpasokan manakala pemenang dalam bahagian lelaki berpasokan tahun ini ia-lah Pasokan Battalion Kedua Tutong Kem 'A'.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengawal Imigeresen, Dato Paduka Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud.

# Empat di-pileh wakili Daerah Brunei-Muara

JERUDONG. — Pertandingan Membacha Al-Koran perengkat dewasa bagi Daerah Brunei-Muara telah di-langsongkan di-Padang Sekolah Melayu Jerudong di-sini pada malam Ahad yang lalu.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-sertai oleh 12 orang peserta lelaki dan perempuan dan telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia, Awang Haji Abd Hamid bin Bakal. Dalam bahagian lelaki, Awang Haji Damit bin Haji Kawang telah munchol sa-bagai johan, dengan mendapat markah 91 peratus. Tempat kedua di-menangi oleh Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar dengan mendapat markah 80½ peratus dan pemenang ketiga ia-lah Awang Kamis bin Nasir dengan mendapat markah 77 peratus.

Sementara dalam bahagian perempuan pula tempat pertama telah di-menangi oleh Dayang Ajijah bte Haji Md Salleh dengan markah 78½ peratus; kedua Dk Saadiah bte Pg Haji Tuah dengan markah 78 peratus dan tempat ketiga di-menangi oleh Dayang Saliah bte Hj. Latif dengan mendapat 69 peratus

Johan dan naib johan qari dan qariah akan mewakili Daerah Brunei-Muara ka-pertandingan perengkat negeri yang akan di-adakan di-Padang Besar di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Ogos.

Hadiah2 kapada pemenang2 dalam pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.



Pmk Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim menyampaikan hadiah kapada johan qari, Awang Haji Damit bin Haji Kawang (atas) dan johan qariah Dayang Ajijah bte Haji Mohd Salleh.



# Pertahankan kejuaraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Rendah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar telah munchol sa-bagai johan sekali lagi dalam Pertandingan Hadzrah bagi Sekolah2 Rendah Melayu Sa-negeri sempena menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun dan sempena Tahun Antara Bangsa Kanak2 Sa-Dunia.

Kumpolan Hadzrah S.M. Pengiran Anak Puteri Besar yang membawakan lagu Bismillah telah mengalahkan 11 buah sekolah yang lain dalam Pertandingan perengkat akhir yang di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini pada hari Ahad yang lalu. Kumpolan Hadzrah Sekolah itu juga telah menjadi johan pada tahun lalu.

Peraduan kali ketiga yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abd Saman bin Kahar sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Ketua Yunit Peranchang Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran, Dayang Misli bte Haji Awang.

Pemenang pertama dalam peraduan tersebut telah menerima hadiah wang tunai sa-banyak $250; kedua, $200 dan hadiah ketiga $150 di-samping menerima sa-buah tropi.

# Bayaran baru bagi pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Sukatan dan Timbangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan telah menjalankan kerja2 menimbang tong2 gas (gas memasak) untok mempastikan gas yang di-isikan menchukopi saperti yang di-tetapkan.

Beberapa orang kakitangan dari Bahagian itu telah pun menjalankan kerja menimbang pada tiap2 hari disembilan buah ajen menjual gas di-seluroh negeri mulai 1hb Jun yang lalu.

Merinyu Sukatan dan Timbangan, Awang Osman bin Omar menyatakan bahawa langkah itu di-ambil berikutan dengan aduan orang ramai.

Kata-nya pengguna2 telah melaporkan kapada Bahagian itu bahawa mereka mendapati gas yang di-isi ka-dalam tong gas selalu-nya tidak menchukopi saperti yang di-tetapkan.

Sementara itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mulai 1hb Jun ini telah mengenakan bayaran baru bagi pemereksaan serta mengenakan bayaran untok memperbaiki alat2 sukatan dan timbangan kepunyaan orang ramai. Bayaran2 baru itu ada-lah saperti berikut:—

| JENIS ALAT | BAYARAN PEMEREKSAAN | BAYARAN PEMEREKSAAN SEMULA | MEMBAIKI/ MENGUJI | BAYARAN MEMASANG |
|---|---|---|---|---|
| | $ | $ | $ | $ |
| Neracha Jarum (Sepering) | 5.00 | 2.50 | –.50 | — |
| Daching Besar (Keupayaan 39 kati atau lebeh) | 1.50 | 1.00 | 2.00 | — |
| Daching Kechil (Keupayaan kurang dari 39 kati) | –.75 | –.50 | 2.00 | — |
| Daching Emas | –.75 | –.50 | — | — |
| Gantang | 1.00 | –.50 | — | — |
| Chupak Empat | 1.00 | –.50 | — | — |
| Chupak Lapan | 1.00 | –.50 | — | — |
| Penyiar Besar | 1.00 | –.50 | — | — |
| Kayu Ela | 1.00 | –.50 | — | — |
| Timbangan Every (Timbangan pelantar berkeupayaan 80 kati dan kurang) | 5.00 | 2.50 | 3.75 | 17.50 |
| Timbangan Every (Timbangan pelantar berkeupayaan lebeh dari 80 kati) | 5.00 | 2.50 | 7.50 | 35.00 |
| Neracha Kaunter | 5.00 | 2.60 | 3.75 | 17.50 |
| Weighbridge tiap2 sa-tan kapada kiraan tan yang terdekat | 12.00 | 10.00 | 375.00 | — |
| Batu Timbangan (tiap2 satu) | 1.00 | –.50 | –.50 | — |
| Pam Minyak | 10.00 | 5.00 | — | — |
| Gelen (Minyak) | 5.00 | 2.50 | — | — |
| Chupak (Minyak) | 5.00 | 2.50 | — | — |
| Pain (Minyak) | 5.00 | 2.50 | — | — |

# PERADUAN PINTU GERBANG

BANDAR SERI BEGAWAN. —Peraduan Pintu Gerbang dan Berchuchol Rumah2, Sekolah2, Bangunan2 dan Kedai2 Bahagian Darat ada-lah salah satu achara yang akan di-adakan bersempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Brunei-Muara tahun ini.

Peraduan Pintu Gerbang akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu pintu gerbang jalanraya dan kawasan bangunan. Peraduan ini ada-lah terbuka kapada persatuan2, kontrektor2 dan Jabatan2 Kerajaan.

Peserta yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan ini hendak-lah membuat permohonan dari Pengerusi Peraduan di-Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan.

Peraduan Berchuchol Rumah2 dan Sekolah ada-lah meliputi kawasan di-sepanjang Jalan Tutong hingga ka-Batu 10; Jalan Gadong hingga Ibu Pejabat Pulis; Jalan Muara hingga Batu 7; Jalan Berakas hingga Batu 7; Burong Pingai Berakas; Kampong Anggerek Desa dan Delima Satu dan Dua dan Jalan Kota Batu hingga Sekolah Melayu Dato Gandi. Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan ini juga di-kehendaki membuat permohonan bertulis kapada Pengerusi Peraduan.

Peraduan Berchuchol bagi kedai2 dan bangunan2 pula adalah terbuka kapada peserta di-dalam kawasan Bandaran dan mereka ini tidak perlu membuat permohonan. Mereka hanya di-kehendaki menyalakan lampu2 chuchol mereka pada waktu2 yang di-tentukan untok di-hakimkan.

Semua peserta yang memasoki peraduan berchuchol ini ada-lah di-kehendaki menyalakan chuchol mereka dari 15hb Julai hingga 22hb Julai mulai jam 6.30 petang hingga 12.00 tengah malam.

## Peraduan silat-kuntau

PEKAN TUTONG. — Peraduan silat dan kuntau bagi Daerah Tutong akan di-adakan di-Pantai Seri Kenangan pada 29hb ini mulai jam 2.00 petang.

Johan2 dalam bahagian2 itu akan mewakili Daerah Tutong ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan sa-bagai salah satu achara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam bulan Julai depan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Awang Ali bin Ahmad, Pejabat Kehakiman Tutong dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat dari esok, 14hb Jun.

Dari muka 4

Saya membiarkan orang ini berchakap sa-mahu2-nya. Ia mengulang-ngulang perkataan *"mahu keluar dari ugama Bahai"*. Saya chuba mempelajari-nya, ada-kah ia takut? Jawab-nya tidak! Saya tidak fikir ia takut. Perkataan-nya terator, lanchar dan di-tutorkan dengan tenang. Orang yang takut bukan-lah demikian keadaan-nya.

Maka kerana itu; sayapun mula-lah bertanya asal-usol ajaran Bahai sampai ka-kampong tersebut, dan siapa2 yang membawa-nya? Kami mendapat jawapan yang terang.

Kemudian saya tanyakan pula, apa-kah ugama Bahai itu, dan apa asas2 ajaran-nya? Sa-ingat saya pertanyaan itu tidak di-jawab, dan bahkan mereka mengaku tidak mendalami ajaran Bahai, kechuali yang di-beri tahu ajaran Bahai itu menyatukan seluroh dunia. Barangsiapa yang tidak ikut ugama Bahai akan menyesal.

Dari hasil perchakapan dan pertemuan dengan orang2 Bahai itu, pada hemat saya, mereka itu hanya-lah mengikut-ikut sa-chara buta tuli sahaja, lantaran terpengaroh dengan chakap2, poster2, risalah2 dan juga yang tidak kurang penting-nya ia-lah orang2 yang menemui mereka itu terdiri dari orang2 yang berwatak istimewa.

Akhir sekali tulisan saya mengenai Bahai ini, ini-lah saya petek fatwa Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Brunei, Bilangan (30) Dalam M. K. B. 3/1967 bertarikh 19hb. Jamadil Akhir, 1390 bersamaan 22hb. Ogos 1970, ia-itu bahagian yang telah menggariskan suatu ketetapan hukum, yang tidak boleh tidak mesti-lah tiap2 Kerajaan Islam mengambil-nya sa-bagai sikap dalam menghadapi puak2 yang sesat. Fatwa itu berbunyi:

**Kedudokan Puak Bahaiyyah Atau Sa-umpama-nya Dalam Islam**

"Oleh yang demikian puak2 sesat dan yang kufur dan murtad saperti puak Qadianiyyah atau puak Bahai atau Bahaiyyah, *tiada-lah termasok dalam bilangan orang Zimmi*, kerana puak2 ini murtad keluar dari Islam dan orang murtad ada hukuman-nya sendiri, dan jika mereka itu *dari golongan orang kafir yang bekerja dan berusaha merosak dan* melemahkan Islam dengan mendatangkan berbagai2 shak-wasangka dan kesamaran, supaya hapus Islam dan keluar orang Islam dari Ugama Islam maka wajib di-atas Raja menghalang atau memerangi mereka itu atau mengurong mereka itu dalam penjara atau menahan mereka itu dari masok ka-dalam negeri Islam kerana kewajipan Raja menahan kejahatan ahli bid'ah dan ahli sesat dan menolak kejahatan itu dari kena ka-atas umat Islam."

# Perarakan kereta, basikal berhias di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Perarakan Kereta Berhias, Basikal Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki, ada-lah salah satu achara sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun dan akan di-adakan pada 24hb Julai depan bertempat di-Padang KBRC di-sini mulai jam 7.00 malam.

Peraduan Tanglong Berjalan Kaki, terbuka kapada empat bahagian ia-itu kampong2, jabatan2 Kerajaan, persatuan2, sharikat2 perniagaan, pemborong2, maktab2 dan sekolah2 menengah dan sekolah rendah serta sekolah2 misi dan China. Sementara Perarakan Basikal Berhias pula terbuka kapada orang ramai yang tinggal di-Daerah Belait sahaja.

Peraduan Kereta Berhias pula terbuka kapada dua bahagian ia-itu untok Jabatan2 kerajaan, sharikat2 perniagaan, pemborong2, kelab2, persatuan2, kampong2 dan peserta perseorangan.

Borang2 memasoki peraduan serta butir2 lanjut mengenai peraduan tersebut boleh di-dapati daripada Setia Usaha Perarakan, Abang Morshidi bin Haji Abang Suhaili, di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Tarikh penutop dan menerima borang2 penyertaan ia-lah pada hari Ahad, 15hb Julai 1979 jam 4.00 petang.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.